OOI MENG SUA

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
YAACOB MD SAM PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-74-08; 42-74A-08 & 42-74B-08]
21 MEI 2009

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 409 - Pecah amanah jaya - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Penggunaan cek syarikat untuk kegunaan dirinya sendiri - Sama ada 'wang advance' atau pinjaman daripada syarikat kepada perayu selaku pengarah - Sama ada terdapat persetujuan bagi pinjaman boleh dibuat oleh pengarah - Keterangan-keterangan yang diberikan tidak konklusif - Sama ada wujud keadaan dan alasan kukuh untuk mahkamah campurtangan dan mengubah keputusan Hakim Sesyen - Sama ada pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan - Sama ada sabitan dan hukuman diketepikan*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Pecah amanah jaya - Kanun Keseksaan, s. 409 - Prima facie - Penggunaan cek syarikat untuk kegunaan dirinya sendiri - Sama ada 'wang advance' atau pinjaman daripada syarikat kepada perayu selaku pengarah - Sama ada terdapat persetujuan bagi pinjaman boleh dibuat oleh pengarah - Keterangan-keterangan yang diberikan tidak konklusif - Sama ada wujud keadaan dan alasan kukuh untuk mahkamah campurtangan dan mengubah keputusan Hakim Sesyen - Sama ada pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan - Sama ada sabitan dan hukuman diketepikan*

Rayuan ini dibuat oleh perayu terhadap sabitan dan hukuman oleh Hakim Sesyen di mana perayu telah dijatuhkan hukuman penjara dan denda terhadap tiga pertuduhan kesalahan pecah amanah jenayah. Rayuan silang oleh pihak pendakwaraya pula adalah terhadap ketiga-tiga hukuman tersebut yang disifatkan sebagai tidak memadai. Sebagai seorang wakil perniagaan/seorang pengarah dalam Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn Bhd yang telah diamanahkan segala pengurusan syarikat, perayu telah dituduh (i) melakukan pecah amanah jenayah wang syarikat sebanyak RM259,328.66 terhadap syarikat tersebut; (ii) telah melakukan pecah amanah jenayah wang syarikat sebanyak RM159,700 terhadap syarikat tersebut dan (iii) telah melakukan pecah amanah

jenayah wang syarikat sebanyak RM64,000 terhadap syarikat tersebut. Dengan itu, perayu telah dituduh melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 409 Kanun Keseksaan. Di akhir kes pendakwaan, Hakim Sesyen telah mendapati keterangan saksi-saksi pendakwaan telah membuktikan bahawa perayu telah mengambil dan menggunakan 11 cek syarikat MBR untuk kegunaan dirinya sendiri dan oleh itu, suatu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap OKT bagi pertuduhan-pertuduhan tersebut. Pembelaan perayu pula adalah bahawa kesemua wang yang dinyatakan dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut adalah merupakan wang 'advance' atau pinjaman daripada MBR kepada perayu selaku pengarah kepada MBR. Menurut OKT, beliau tiada niat curang untuk melesapkan harta syarikat kerana adanya baucer D24 yang merekodkan wang-wang tersebut kononnya diambil oleh OKT sebagai 'pinjaman kepada pengarah.' OKT juga mengatakan bahawa pinjaman tersebut dibuat dengan persetujuan SP1 yang juga pengarah bersama MBR di mana telah ada persefahaman antara kedua-dua pengarah bahawa mana-mana pengarah boleh mengambil pinjaman daripada syarikat. Menurut SP1 pula, tiada persetujuan di antara SP1 dan perayu mengenai pinjaman peribadi oleh pengarah syarikat dan menolak keterangan perayu bahawa terdapat persetujuan tentang pinjaman peribadi oleh pengarah syarikat. Menurut Hakim Sesyen, pembelaan OKT adalah suatu cubaan OKT untuk mengelirukan mahkamah dan tidak mempercayai versi pembelaan serta pembelaan ini tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan. Pembelaan OKT ditolak oleh mahkamah. Isu yang timbul dalam rayuan ini adalah (i) sama ada Hakim bicara telah memberikan alasan telitinya terhadap dapatan fakta dan menimbangkan nilai setiap keterangan yang terdapat sebelum membuat apa-apa kesimpulan dan (ii) sama ada mahkamah ini mendapati wujud keadaan yang kukuh untuk mahkamah campur tangan dengan keputusan Hakim Sesyen.

Diputuskan (membenarkan rayuan perayu; mengenepikan sabitan serta hukuman):

(1) Mahkamah ini memberi perhatian kepada peruntukan s. 409A dan 409B Kanun Keseksaan yang merupakan sekatan pembelaan dan peruntukan anggapan bagi kes di bawah kesalahan s. 409 Kanun Keseksaan. Walaubagaimanapun, dengan keterangan-keterangan daripada saksi pendakwaan sendiri serta saksi pembelaan serta perayu sendiri, maka peruntukan s. 409B telah diakaskan (rebut) oleh keterangan pembelaan bahawa wujud keadaan yang tidak jelas tentang

sama ada terdapat persetujuan bagi pinjaman boleh dibuat oleh pengarah seperti yang didakwa oleh perayu tetapi dinafikan oleh SP1 dan tentang pembayaran wang itu sendiri sama ada bagi bayaran semula pinjaman oleh pengarah kepada MBR atau pinjaman oleh pengarah dari MBR. Bagi tiga cek yang terlibat di bawah catitan 'Advance to Director', isu yang masih tidak jelas untuk dibuat findings ialah sama ada terdapat amalan dan persefahaman sedemikian disebabkan keterangan SP1 tidak konklusif. (perenggan 117)

(2) Mahkamah ini berpendapat dan mendapati bahawa wujud keadaan dan alasan yang kukuh untuk mahkamah ini campur tangan dan mengubah dapatan dan keputusan oleh Hakim Sesyen tersebut yang didapati sebagai bertentangan dengan keterangan yang ada. Dengan keterangan oleh saksi-saksi pendakwaan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan pembelaan, mahkamah ini berpendapat Hakim Sesyen telah gagal menimbangkan kes pendakwaan mengikut panduan yang diberikan dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* apabila Hakim Sesyen memutuskan kes *prima facie* telah dibuktikan bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut. Oleh kerana keterangan SP1 tidak konflusif tentang benar atau tidak wujudnya persefahaman antara SP1 dan perayu bahawa pinjaman boleh dibuat atau tidak dari syarikat dan rekod ledger account yang tidak menjelaskan tentang maksud sebenar setiap pembayaran yang dikeluarkan kepada perayu dan SP1 sendiri menjadikan kes pendakwaan gagal dibuktikan untuk keterangan pembelaan diri dipanggil terhadap perayu. (perenggan 131)

(3) Oleh kerana pembelaan diri telah dipanggil maka adalah menjadi tugas Hakim Sesyen untuk menimbangkan keterangan perayu dan saksi-saksi pembelaan serta dokumen-dokumen yang telah dikemukakan dan diterima masuk sebagai keterangan pembelaan. Adalah jelas pembelaan perayu tersebut bukanlah satu pembelaan 'mere denial' atau 'afterthought' (*Megat Halim Megat Omar v. PP*). Mahkamah ini berpendapat jika Hakim Sesyen menimbangkan dengan betul pembelaan diri perayu dan saksi-saksi pembelaan, adalah jelas pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan yang demikian telah mengakaskan peruntukan anggapan yang terdapat di bawah s. 409B Kanun Keseksaan menjadikan sabitan terhadap perayu adalah tidak selamat dibuat dan dikekalkan oleh mahkamah ini (*Mohd Hazrin Md Sari v. PP)*. (perenggan 132)

A **(4)** Mahkamah membenarkan rayuan perayu ke atas ketiga-tiga pertuduhan kes yang dibicarakan secara bersama itu dan mengenepikan sabitan serta hukuman bagi ketiga-tiga pertuduhan itu. Jika dendaan telah dibayar oleh perayu maka dendaan tersebut hendaklah dikembalikan semula kepada
B perayu. Oleh kerana mahkamah ini telah membenarkan rayuan perayu ke atas ketiga-tiga pertuduhan dan mengenepikan sabitan dan hukuman ke atasnya, maka rayuan oleh pihak pendakwaan terhadap hukuman yang tidak memadai dengan sendirinya menjadi lusuh dan dengan itu tidak lagi significant
C untuk dipertimbangkan. Perayu dengan ini dilepaskan dan dibebaskan. (perenggan 133 & 134)

Kes-kes yang dirujuk:

Adzhaar Ahmad & Anor v. PP [1996] 4 MLJ 85 ***(dirujuk)***
Ahmad Najib Aris v. PP [2009] 2 CLJ 800 FC ***(dirujuk)***
D *Balasingam v. PP [1959] MLJ 193* ***(dirujuk)***
Bank Utama (M) Bhd. v. Cascade Travel & Tours Sdn Bhd [2000] 4 CLJ 457 HC ***(dirujuk)***
Chang Lee Swee v. PP [1985] 1 MLJ 76 ***(dirujuk)***
Chia Han Kiat v. Rex [1937] 6 MLJ (SSR) 261 ***(dirujuk)***
E *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal [2004] 3 CLJ 737 FC* ***(dirujuk)***
Gnasegaran Pararajasingam v. PP [1997] 1 MLJ 1 ***(dirujuk)***
Goh Ah San & Ors v. The King [1938] MLJ 95 ***(dirujuk)***
Grace Shipping Inc & Anor v. CF Sharp & Co (Malaysia) Pte Ltd [1987] 1 MLJ 257 ***(dirujuk)***
F *Hanafi Mat Hassan v. PP [2006] 3 CLJ 269 CA* ***(dirujuk)***
Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 CLJ 19 CA ***(dirujuk)***
Megat Halim Megat Omar v. PP [2009] 1 CLJ 154 CA ***(dirujuk)***
Mohd Hazrin Md Sari v. PP [2008] 5 CLJ 361 CA ***(dirujuk)***
G *Navaratnam v. PP [1973] 1 MLJ 154* ***(dirujuk)***
Periasamy Sinnappan v. PP [1996] 3 CLJ 187 CA ***(dirujuk)***
PP v. Hj Hussin Hj Mohd Rejab [1994] 3 CLJ 93 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
PP v. Yeoh Tech Chye [1981] 2 MLJ 176 ***(dirujuk)***
H *Solomon v. Solomon & Co [1897] AC 2* ***(dirujuk)***
Yoong Hock Pin v. PP [1977] 1 MLJ 178 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Companies Act 1965, ss. 133, 199, 202
Evidence Act 1950, s. 90A
I Penal Code, ss. 90A(2), (6), 405, 409A, 409B

Sumber-sumber yang dirujuk:
Nelson's Penal Code, 7th edn, ms 1529

Bagi pihak perayu/responden - Lee Khai; T/n Ong & Manecksha
Bagi pihak responden/perayu - Shakila Banu I Sheik Allaudeen TPR

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Yaacob Md Sam PK:

[1] Rayuan ini dibuat oleh perayu bernama Ooi Meng Sua terhadap sabitan dan hukuman oleh Hakim Sesyen pada 20 Mei 2008 di mana perayu telah dijatuhkan hukuman terhadap tiga pertuduhan kesalahan pecah amanah jenayah seperti berikut:

Pertuduhan Pertama : dua tahun penjara dan denda RM300,000 jika gagal bayar satu tahun penjara.

Pertuduhan Kedua : dua tahun penjara dan denda RM200,000 jika gagal bayar satu tahun penjara.

Pertuduhan Ketiga : dua tahun penjara dan denda RM100,000 jika gagal bayar satu tahun penjara.

Hukuman penjaraan diperintahkan berjalan secara serentak manakala bagi dendaan jika gagal bayar maka hukuman penjara diperintahkan berjalan secara berturut-turut.

[2] Rayuan silang oleh pihak Pendakwa Raya pula adalah terhadap ketiga-tiga hukuman tersebut yang disifatkan sebagai tidak memadai.

Pertuduhan Kes

[3] Perayu telah dituduh dengan kesalahan seperti berikut:

Pertuduhan Pertama (Kes Tangkap No. 62(74)-82-2004)

Bahawa kamu dalam tempoh antara bulan September 1995 hingga bulan Januari 1996 di pejabat Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd. No. 29 Jalan Zainal Abidin di dalam Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang sebagai seorang wakil perniagaan iaitu seorang pengarah dalam Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd. yang telah diamanahkan segala pengurusan syarikat telah melakukan pecah amanah jenayah wang syarikat sebanyak

RM259,328.66 terhadap syarikat tersebut. Dengan cara membayar melalui empat (4) keping cek United Malayan Banking Corporation (UMBC) milik Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd. iaitu

I. Cek UMBC No. 177158 bertarikh 20.9.95 bernilai RM61,534.96.

II. Cek UMBC No. 177161 bertarikh 24.10.95 bernilai RM62,191.80.

III. Cek UMBC No. 177166 bertarikh 5.12.95 bernilai RM53,144.80.

IV. Cek UMBC No. 177172 bertarikh 12.7.96 bernilai RM82,427.90

Jumlah keseluruhan RM259,328.66.

Sebagai membayar pembinaan sebuah rumah kamu sendiri di alamat No. 33 Lebuh Bukit Jambul Pulau Pinang kepada Syarikat Yoong Tsen Construction Sdn. Bhd yang tiada kaitan urusan perniagaan dengan Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd. Dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Kedua (Kes Tangkap No. 62(74)-83-2004)

"Bahawa kamu dalam tempoh antara bulan September 1995 hingga bulan Januari 1996 di pejabat Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd. No.29 Jalan Zainal Abidin di dalam Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang sebagai seorang wakil perniagaan iaitu seorang pengarah dalam Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd. yang telah diamanahkan segala pengurusan syarikat telah melakukan pecah amanah jenayah wang syarikat sebanyak RM159,700.00 terhadap syarikat tersebut. Dengan cara membayar melalui empat (4) keping cek United Malayan Banking Corporation (UMBC) milik Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd. iaitu

I. Cek UMBC No. 177152 bertarikh 26.8.95 bernilai RM9,700.00.

II. Cek UMBC No. 177153 bertarikh 26.8.95 bernilai RM50,000.00.

III. Cek UMBC No. 171168 bertarikh 27.12.95 bernilai RM100,000.00

Jumlah keseluruhan RM159,700.00

Sebagai kegunaan sendiri. Dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Ketiga (Kes Tangkap No. 62(74)-84-2004)

Bahawa kamu dalam tempoh antara bulan September 1995 hingga bulan Januari 1996 di pejabat Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd. No.29 Jalan Zainal Abidin di dalam Daerah Timur Laut di Negeri Pulau Pinang sebagai seorang wakil perniagaan iaitu seorang pengarah dalam Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd. yang telah diamanahkan segala pengurusan syarikat telah melakukan pecah amanah jenayah wang syarikat sebanyak RM64,000.00 terhadap syarikat tersebut. Dengan cara membayar melalui empat (4) keping cek United Malayan Banking Corporation (UMBC) milik Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd. iaitu

I. Cek UMBC No. 177163 bertarikh 15.11.95 bernilai RM16,000.00.

II. Cek UMBC No. 177167 bertarikh 22.12.95 bernilai RM16,000.00.

III. Cek UMBC No. 177175 bertarikh 16.3.96 bernilai RM16,000.00.

IV. Cek UMBC No. 177181 bertarikh 25.6.96 bernilai RM16,000.00

Jumlah keseluruhan RM64,000.00.

Sebagai membuat bayaran pinjaman wang kepada Syarikat Perikanan Yeong Tar yang tiada kaitan urusan perniagaan dengan Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd. Dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan.

Kes Pendakwaan

[4] Kes pendakwaan yang telah dibentangkan di hadapan hakim sesyen secara perbicaraan bersama (joint trial) adalah diringkaskan seperti berikut:

a) Syarikat Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd. (disebut "MBR" selepas ini) telah ditubuhkan pada 24 Januari 1992.

b) MBR menjalankan perniagaan pembangunan tanah dan hotel.

c) Pengadu Chuah Hee Chye (SP1) adalah rakan dan kenalan perayu (OKT).

A d) Pada September 1994, perayu memberitahu SP1 bahawa MBR telah membeli lima ekar tanah di Langkawi dengan harga belian RM2,425,000.

e) Perayu telah membayar 10% iaitu RM242,000 dari jumlah
B harga belian tersebut tetapi tidak mampu membayar baki harga belian.

f) Perayu telah mempelawa SP1 menyertai MBR dan SP1 bersetuju.

C g) Pada Disember 1994 dan awal 1995 SP1 melabur RM1.7 juta tunai di dalam MBR.

h) Bayaran pelaburan dalam MBR sejumlah RM1.7 juta tersebut dibahagi kepada dua tujuan, iaitu (i) RM1juta bagi membeli
D 50% saham MBR pada harga RM1 sesaham dan (ii) RM700,000 adalah sebagai pinjaman dari SP1 kepada MBR bagi menjadi modal MBR.

i) Tiada apa-apa perjanjian bertulis bagi pinjaman RM700,000 tersebut diperbuat oleh SP1 dengan MBR atau perayu.
E

j) Bayaran RM1.7 juta dibuat oleh SP1 secara – (i) cek bernilai RM100,000 pada Disember 1994 ke dalam akaun MBR, (ii) pindahan wang (telegraphic transfer) RM1.3 juta pada 18 Mac 1995, dan (iii) bayaran tunai RM300,000 pada 22 Mac 1995
F ke dalam akaun MBR.

k) Pada Julai 1995 MBR memperolehi kemudahan overdraft berjumlah RM1 juta daripada bank, United Malayan Banking Berhad (UMBC).

G l) Berikutan dari kemudahan overdraft itu, sejumlah RM250,000 daripada RM700,000 yang dipinjamkan oleh SP1 kepada MBR dikembalikan semula kepada SP1.

m) Bagi pelaburan SP1 di dalam MBR, SP1 dan isteri SP1
H diperuntukkan sijil saham-saham MBR seperti berikut – SP1: 400,000 unit saham, isteri SP1: 600,000 unit saham.

n) Dua lagi pemegang saham dalam MBR ialah perayu dan isteri perayu.

I o) Perayu dan isteri perayu adalah pengarah asal MBR.

p) SP1 dilantik menjadi Pengarah MBR pada Disember 1994 bersama-sama perayu. Perayu adalah juga pengerusi MBR.

Isteri perayu meletak jawatan pengarah bagi membolehkan SP1 dan perayu menjadi pengarah bersama.

q) Oleh kerana dari tempoh 1992 hingga 1997 SP1 menetap di Johor dan kerap ke luar negara seperti China, Taiwan dan Amerika Syarikat maka semua urusan dan kewangan MBR dikendalikan oleh perayu.

r) Cek-cek MBR boleh ditanda tangani oleh SP1 atau perayu (mana-mana salah seorang dari mereka).

s) MBR telah gagal membayar kembali kemudahan overdraf yang diperolehi dari UMBC.

t) Hutang-hutang dan liabiliti dalam UMBC telah diambil alih oleh Danaharta Sdn. Bhd. termasuk pinjaman oleh MBR dari UMBC.

u) Danaharta telah menjual tanah Lot 85 Mukim Kuah, Langkawi yang MBR sandarkan sebagai sekuriti bagi kemudahan overdraft.

v) SP1 telah mengalami kerugian ke atas kesemua pelaburannya dalam MBR.

w) Pada 17 Ogos 2001 MBR melantik firma akauntan Wong Thai Sun & Associates bagi menyiasat kewangan MBR.

x) Siasatan auditor/Inspektor mendapati perayu telah menyalahgunakan 11 cek MBR berjumlah keseluruhan RM483,082.66.

y) 11 cek tersebut ditandatangani dan dikeluarkan oleh perayu sendiri.

z) 11 cek tersebut dikeluarkan oleh perayu sebagai 'advance' MBR kepada perayu bagi kegunaan peribadi perayu.

aa) SP1 tidak mengetahui dan tidak pernah memberi kebenaran ke atas pengeluaran 11 cek tersebut atau bagi menjadi "director's advance" oleh syarikat ke atas perayu.

bb) SP1 membuat laporan polis Jalan Patani Rpt. 431/02 ke atas perayu kerana menyalahguna wang/harta MBR.

A cc) SP12 pemilik syarikat Yong Seng Construction Sdn. Bhd. mengesahkan menerima bayaran melalui empat keping cek sejumlah RM259,299.46 daripada perayu bagi pembinaan rumah perayu. SP12 mengatakan tidak mempunyai apa-apa urusan dengan MBR.

B dd) SP6 pemilik syarikat Perikanan Yeong Tar mengesahkan menerima empat keping cek sejumlah RM64,000 daripada perayu bagi bayaran balik pinjaman yang diambil oleh perayu dari SP6. SP6 mengatakan tidak mempunyai apa-

C apa urusan dengan MBR.

ee) SP11 pengurus RHB Bank Cawangan Langkawi mengesahkan sebanyak 11 keping cek ada dikeluarkan oleh MBR dan cek-cek tersebut dikreditkan ke dalam akaun

D Yoong Seng Construction, Syarikat Perikanan Yeong Tar dan akaun milik persendirian perayu.

ff) bahawa semua 11 cek bayaran yang dibuat oleh MBR tersebut tiada kaitan dengan urusan perniagaan MBR.

E **Keputusan Kes *Prima Facie* Di Akhir Kes Pendakwaan**

[5] Hakim Sesyen yang bijaksana telah menimbangkan keterangan-keterangan kes pendakwaan dan intipati pertuduhan iaitu – (i) bahawa OKT adalah seorang ejen; (ii) bahawa dengan

F kedudukannya, beliau diamanahkan dengan penguasaan harta yang menjadi perkara pertuduhan; dan (ii) beliau telah melakukan pecah amanah jenayah terhadap harta tersebut.

[6] Bagi intipati (i) Hakim Sesyen mendapati perayu adalah pengarah dan ejen kepada MBR. Hakim sesyen mendapati "atas

G kapasiti perayu sebagai ejen, perayu menandatangani cek, memberi arahan, memperoleh kelulusan perancangan dan mengeluarkan wang. Dalam semua perkara perayu adalah ejen. Malah untuk kes ini, adalah suatu fakta yang tidak dipertikaikan bahawa sebagai pengarah perayu adalah seorang ejen yang aktif. Oleh itu elemen

H (i) dibuktikan."

[7] Bagi intipati (ii) Hakim Seysen mendapati perayu seorang sahaja yang menguruskan hal ehwal syarikat MBR. Perayu diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menandatangan cek,

I menjaga hal ehwal kewangan dan pengurusan syarikat. Elemen (ii) oleh itu dibuktikan.

[8] Bagi intipati (iii) Hakim Sesyen mendapati keterangan saksi-saksi pendakwaan telah membuktikan bahawa perayu telah mengambil dan menggunakan 11 cek syarikat MBR untuk kegunaan dirinya sendiri. Adalah juga jelas bahawa siasatan oleh firma Wong Thai Sun & Associates mendapati bukan sahaja tidak ada dokumen untuk menyokong perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh perayu, malah terdapat catatan-catatan yang tidak betul dalam rekod akaun Syarikat MBR. Juru audit mendapati terdapat "24 unauthorised cheque payment vouchers" dan tiada kawalan dalaman mengenai tunai.

[9] Di dalam memutuskan terdapatnya kes *prima facie* dan memanggil pembelaan diri perayu ke atas ketiga-tiga pertuduhan, hakim sesyen di dalam alasan penghakiman di ms 197 rekod rayuan merumuskan:

> Apa yang lebih penting ialah kesemua 11 cek yang diambil oleh OKT, tidak ada satu pun baucer yang menjelaskan tujuan wang diambil dan diambil tanpa kebenaran SP1. Dua perkara ini sudah cukup untuk membuktikan niat curang OKT. Adalah findings mahkamah bahawa elemen ini juga (intipati (iii)) telah dibuktikan oleh pendakwaan. Disebabkan semua intipati pertuduhan telah berjaya dibuktikan, mahkamah ini berpuashati bahawa suatu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap OKT bagi ketiga-tiga pertuduhan. OKT dipanggil membela diri kepada pertuduhan-pertuduhan tersebut.

Pembelaan Perayu

[10] Pembelaan perayu ialah kesemua wang yang dinyatakan dalam pertuduhan tersebut adalah merupakan wang 'advance' atau pinjaman daripada MBR kepada perayu selaku pengarah kepada MBR.

[11] Perayu (SD3) dalam keterangannya mengatakan MBR ditubuhkan olehnya pada 24 Januari 1992 (P34 di ms 530 RR) bertujuan bagi membeli sebidang tanah yang ditawarkan oleh pemiliknya di Langkawi, Kedah. Pemegang saham MBR ialah perayu dan isteri perayu dan kedua-dua mereka menjadi pengarah MBR (P35 di ms 531 RR). Pada tahun 1992 MBR dan kedua-dua pemegang saham MBR telah membeli tanah pertanian keluasan lima relong dan 451 jemba (bersamaan 183,744 kaki persegi) beralamat di SPK 218 Lot 85, Mukim Kuah Daerah Langkawi dengan harga belian RM2,425,420. Tujuan pembelian tanah tersebut adalah bagi pembangunan kondominium/kediaman/

A hotel di mana pertukaran syarat guna tanah akan diuruskan. Tanah tersebut adalah satu-satunya harta yang dimiliki oleh MBR. Bagi pembelian itu perayu perlu membayar deposit sejumlah RM242,542 dan baki harga belian RM2,182,878 perlu dibayar sebelum tamat tempuh dua tahun daripada tarikh pembeli
B mendapat kelulusan pertukaran kegunaan tanah dari pertanian kepada bangunan kediaman (eks. D12: Perjanjian Jualbeli ms 408-420 RR).

[12] Perayu mengatakan ia telah membayar dengan wangnya
C sendiri bagi pembelian tanah tersebut, iaitu RM50,000 melalui cek sebagai deposit awal (D68 dan D69), RM57,000 bagi pampasan kepada penduduk di atas tanah tersebut dan sejumlah RM700,000 bagi harga belian. Baki harga belian akan ditanggung oleh MBR. Wang RM700,000 tersebut datangnya RM300,000 dari perayu
D sendiri dan RM400,000 dipinjam oleh perayu dari abangnya.

[13] Perayu mengatakan telah mengenali pengadu (SP1) sejak tahun 1973. Perayu mengatakan pada awalnya SP1 telah bersetuju membeli bahagian ke atas tanah terlibat dengan harga RM25 sekaki
E dan SP1 bercadang menjualkan kepada seorang bernama Dr. Lim pada harga RM28 yang bermakna SP1 akan mendapat keuntungan sebanyak RM3 bagi sekaki persegi. Tetapi Dr. Lim meninggal dunia dan oleh itu cadangan menjual kepada Dr. Lim tidak menjadi. Oleh kerana itu SP1 telah meminta perayu menjualkan tanah tersebut
F pada harga RM20 sekaki persegi yang bermakna SP1 akan membayar RM1.9 juta bagi bahagiannya iaitu 50%. Perayu bersetuju menjual pada harga RM20 kepada SP1 kerana harga belian yang perayu masuki ialah RM13.20 sekaki persegi. Dengan yang demikian SP1 telah membayar RM1.7 juta bagi bahagian
G pembeliannya dan pada tahun 1994 sejumlah 50% saham MBR dipindahkan kepada SP1. Oleh yang demikian menurut perayu bayaran RM1.7 juta oleh SP1 adalah bagi pembelian 50% tanah tersebut oleh SP1 dan tidak timbul isu SP1 meminjamkan RM700,000 kepada MBR. Ekoran dari pembelian saham dalam
H MBR itu, SP1 telah dilantik menjadi pengarah MBR pada 1 Disember 1994 (P36 ms 533 RR).

[14] Perayu mengatakan dari tahun 1994 hingga 1997 iaitu tempuh selama 3 1/2 tahun perayu telah menguruskan secara sendirian bagi mendapat kelulusan tukar syarat guna tanah Lot 85
I Mukim Kuah, Langkawi, kelulusan pelan pembangunan dan lantikan pakar-pakar seperti pelukis plan, arkitek dan jurutera dan

telah berurusan dengan 27 jabatan kerajaan bagi tujuan tersebut (P13 dan P14 ms 421-427 RR) dan perayu telah mengeluarkan wang sendiri lebih kurang RM300,000 dalam menguruskannya dan perkara tersebut diketahui oleh SP1. Perayu mengatakan dalam tempuh tersebut perayu tidak mengambil apa-apa bayaran dari MBR atas perkhidmatannya dan menggunakan wangnya sendiri bagi kos pengangkutan ke Alor Setar dan Kuala Lumpur. Ini adalah kerana MBR tiada mempunyai hasil pendapatan dan tiada menggaji pekerja. Melihat usaha perayu itu SP1 telah mengeluarkan cek bernilai RM30,000 dan memberikan kepada perayu (eks. D15) tetapi perayu tidak menunaikan cek tersebut. Di dalam tempuh tersebut SP1 hanya menjadi pengarah yang tidak aktif kerana tinggal di Johor Bahru dan kerap tiada di dalam negara (eks. P26 dan P27 ms 494-511 RR). SP1 juga tidak hadir dalam mesyuarat-mesyuarat MBR.

[15] Perayu mengatakan MBR ada memberi pinjaman sejumlah RM250,000 kepada SP1 dan bayaran tersebut direkodkan oleh book keeper MBR iaitu saksi SD2 dalam dokumen Ledger Account MBR (eks. P47C(ii)B ms 716 RR). Bayaran itu dibuat melalui cek MBR nombor 177159 bertarikh 2 Oktober 1995 (ms 463 RR). Menurut perayu, bayaran tersebut dibuat di atas permintaan SP1 setelah SP1 mendapat tahu MBR telah mendapatkan kemudahan overdraft RM1 juta daripada pihak bank UMBC dan SP1 memerlukan wang segera (ms 154 dan 159 RR).

[16] Perayu mengatakan pada tahun 1995-1996 MBR telah melantik firma akauntan JB Lau & Associates bagi menyediakan akaun tahunan MBR dan laporan audit telah disediakan iaitu bagi tahun 1995 (D16 di ms 430-439 RR) dan bagi tahun 1996 (D17 di ms 440-452 RR). Orang yang menyediakan dan menjadi 'book keeping' MBR ialah Beh Teik Aun (SD2). Perayu ada menurunkan tandatangan perayu di D16 dan D17 setelah akaun tersebut disediakan oleh juru audit. Perayu mengatakan SP1 juga ada menandatangani D16 dan D17 tetapi perayu tidak tahu bagaimana SP1 menandatangani D16 dan D17 tersebut kerana ianya diuruskan oleh pihak juru audit.

[17] Perayu juga mengatakan pada tahun 1997 berlaku kemelesetan ekonomi dan akibatnya pembangunan yang dirancang bagi pembangunan tanah Lot 85 tersebut telah tertangguh dan tanah terlibat yang disandarkan bagi kemudahan overdraft telah dilelong oleh pihak Danaharta (eks. D21 ms 459 RR).

[18] SD4 (Lau Tiang Hua) akauntan dari firma JB Lau & Associates mengatakan firmanya telah menyediakan penyata akaun beraudit D16 dan D17 bagi MBR. Penyediaan penyata kewangan MBR bagi tahun semasa 1995 dan 1996 tersebut dibuat berdasarkan maklumat daripada baucer bayaran, invois, penyata bank dan dokumen perjanjian. Dalam keterangan pemeriksaan utamanya SD4 telah dirujukkan oleh peguam dengan eks. P47C(ii)B (Ledger Account print out) dengan soalan seperti berikut (ms 176 RR):

> Q. In your accounting term, what would refund mean?
>
> A: Refund to director also means repayment of advance or loan by the directors to the company. Advances from directors could mean loan given to the company or expenses paid on behalf of the company by the director.

[19] Saksi SD2 (Beh Teik Aun) adalah orang yang bertanggungjawab menyediakan Ledger Account MBR. Eksibit P47C (ii)B, 47C(ii)C dan 47C(ii)H (Ledger Account print out) adalah disediakan oleh beliau selaku 'book keeper' MBR. SD2 mengatakan catatan perkataan "Director's account" yang terdapat dalam Ledger Account tersebut adalah bermaksud 'director's money brought into the company.' SD2 mengatakan penyediaan Ledger Account di P47C(ii)B, C(ii)C dan C(ii)H adalah dibuat oleh SD2 berasaskan kepada baucher-baucher tunai yang SD2 sediakan di eks. D24 yang mencatitkan bayaran 'Advance' dibuat dari 'Director's Account', nombor cek, jumlah bayaran dan tarikh bayaran dikeluarkan (ms 464-473 RR).

[20] SD1 (Shariff Ali bin Jabad) ialah arkitek dari firma Cityscap Architect. SD1 mengesahkan terlibat membuat plan cadangan membina 1 blok 9 tingkat 230 unit pangsapuri dan 1 blok 5 tingkat 80 bilik hotel di atas tanah Lot 85, Mukim Kuah, Langkawi yang dirancangkan oleh Mesbol Beach Resort (eks. D13 ms 427 RR). SD1 mengatakan kelulusan bersyarat bagi perancangan dan pembangunan telah diperolehi daripada Majlis Daerah Langkawi melalui surat kelulusan bertarikh 23 April 1997 dan 13 Oktober 1997 (eks. D13 ms 421-425 dan eks. D67 ms 874-877 RR). SD1 mengatakan kos bagi pemaju di peringkat tersebut ialah melibatkan kos juru perunding yang termasuk juru ukur bahan, jurutera sivil, elektrikal dan mekanikal. Fee SD1 ialah 2-5% dari kos pembinaan. SD1 mengatakan walau pun kelulusan perancangan telah diperolehi tetapi projek tersebut tidak dapat dimulakan kerana masih ada

syarat-syarat yang gagal dipenuhi oleh pemaju iaitu Mesbol Beach Resort. Fee skala bagi plan pembangunan yang dibayar kepada pihak berkuasa tempatan ialah RM17,061.60.

[21] Peguambela yang bijaksana En. Lee Khai menghujahkan bahawa semua catatan-catatan di eks. D24 (voucher tunai di ms 464-473 RR) dan Ledger Account di P47C(ii)B, P47C(ii)C dan P47C(ii)H adalah merupakan catatan dokumen semasa (contemporaneous) dan dengan itu mempunyai nilai berat keterangan yang tinggi untuk diberikan pertimbangan yang mana hakim sesyen telah tidak memberikan pertimbangan yang saksama ke atasnya.

Keputusan Oleh Hakim Sesyen Di Akhir Kes Pembelaan

[22] Adalah berfaedah mahkamah ini menurunkan sepenuhnya keputusan hakim sesyen di akhir kes pembelaan tersebut yang terdapat di ms 199-200 RR:

> Findings
>
> Dengan keterangan pembelaan yang ada, mahkamah ini harus memutuskan samada pembelaan telah menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan. Pembelaan tidak menafikan bahawa OKT telah mengambil dan menggunakan 11 cek syarikat MBR untuk kegunaan sendiri. Apa yang dipertikaikan ialah OKT tiada niat curang untuk melesapkan harta syarikat kerana adanya baucer D24 yang merekodkan wang-wang tersebut kononnya diambil oleh OKT sebagai "pinjaman kepada pengarah". Malah OKT kata wang yang dipinjamkan oleh beliau kepada syarikat MBR jauh lebih banyak daripada yang dipinjam oleh beliau dari syarikat. Baucer D24 itu disediakan atas arahan OKT dan mengandungi maklumat-maklumat yang "favourable" kepada OKT sahaja. D24 adalah 'self service document'. Pembuat D24 (SD2) tidak menandatangan D24 kerana beliau tidak boleh "verify" samada maklumat mengenai "advance" itu adalah betul atau tidak. Dokumen yang lebih adil untuk dirujuk dan memberikan gambaran yang benar ialah P7. Jika betullah OKT ada meminjamkan wang, kenapa fakta ini tidak dinyatakan dalam P7. Sebaliknya di muka surat 6, P7 Akauntan Wong Thai Sun menyebut
>
> > Three advance payment made into the bank account of the company on 1.1.95; 28.2.95 and 31.3.95 for a sum of RM99,972.50; RM1,299,998.00 and RM300,000.00 were incorrect treated as loan made by Mr Ooi Meng Hua to the company. These advances did indeed come from Mr Chuah Hee Chye.

Mengenai perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh OKT, dapatan akauntan dinyatakan di muka surat 9, P7 seperti berikut "a large number of cash payment voucher were not authorized by the cheque signatory, nor were they signed by the recipients as evidence of receipt of payment". Jadi bila OKT kata beliau ada beri advance dan ada sediakan baucer bayaran, kedua-kedua perkara itu tidak mungkin benar bila laporan akauntan dikaji.

Seperkara lagi yang harus disebut ialah mengenai tandatangan SP1 yang dipalsukan di muka surat 6 eksibit D16 dan muka surat 12 eksibit D17. OKT sendiri mengaku SP1 tidak pernah hadir mesyuarat. Tidak ada bukti D16 dan D17 dihantar kepada SP1 untuk tandatangan. Melihat kepada cara OKT menguruskan kewangan syarikat dan tidak ada sesiapa yang menyelia beliau, OKT adalah satu-satunya orang yang berpeluang untuk memalsukan tandatangan SP1.

Pembelaan "advance" adalah suatu cubaan OKT untuk mengelirukan mahkamah. Ketiadaan rekod bayaran, resit, catitan yang tidak betul mengenai siapa yang memberi pinjaman wang kepada syarikat dan tandatangan SP1 dipalsukan, kesemuanya perkara ini bila dirangkumkan hanya menunjukkan OKT mempunyai niat tidak jujur dan dengan curangnya telah melesapkan wang syarikat.

Saya bukan sahaja tidak percaya kepada versi pembelaan, tetapi juga pembelaan ini tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah kepada kes pendakwaan. Pembelaan OKT ditolak oleh mahkamah.

Isu-isu Rayuan

[23] Di peringkat awal hujahan peguam yang bijaksana En. Lee Khai yang mewakili perayu telah membangkitkan 'findings' oleh hakim sesyen yang cuma terkandung dalam dua muka surat (ms 199-200 RR) sedangkan dalam kes ini terdapat banyak isu-isu yang dibangkitkan dan dokumen-dokumen eksibit sejumlah 73 jenis (lebih 500 muka surat) yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan pihak pembelaan yang melibatkan 16 saksi pendakwaan dan empat saksi pembelaan serta 120 muka surat nota–nota keterangan.

[24] Isu-isu yang secara khususnya dibangkitkan oleh peguam adalah sama bagi ketiga-tiga rayuan oleh perayu, adalah seperti berikut:

(a) dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan iaitu eks. P5A-C (UMBC Bhd), P28 (Oriental Bank Bhd), P29 (The Pacific Bank Bhd), P33 (UMBC Bhd), P41A-C (TNB) dan P42 (OUB Bhd) telah gagal mematuhi kehendak s. 90A Akta Keterangan 1950 dan tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan kes pendakwaan;

(b) hakim sesyen gagal menimbangkan kebolehterimaan keterangan pengadu (SP1) sedangkan pihak pembelaan telah memperlihatkan keterangan SP1 adalah meragukan dan tidak kredible;

(c) hakim sesyen telah gagal memberi perhatian bahawa terdapat persetujuan di antara pengadu dan perayu mengenai pinjaman daripada syarikat MBR;

(d) hakim sesyen secara salah melibatkan perayu dengan pemalsuan tandatangan pengadu dalam eks. ID25, D16 dan D17;

(e) hakim sesyen mendapati perayu mempunyai niat curang mengambil wang MBR sedangkan semua wang tersebut direkodkan dalam akaun semasa MBR;

(f) hakim sesyen membuat dapatan yang 'unfavourable' kepada perayu terhadap keterangan SD2 (book keeper) dan dokumen D24 sebagai 'self service document' dan menerima eks. P7 secara total sedangkan pembuat dokumen P7 sendiri telah merekodkan kesemua 11 cek terlibat sebagai 'advance' kepada perayu.

(g) hakim sesyen gagal memberikan pertimbangan yang saksama bahawa perayu sejak dari awal adalah satu-satunya individu yang menguruskan segala urusan dan kewangan MBR dan oleh itu tidak boleh mengatakan hanya kerana perayu satu-satunya orang yang menguruskan MBR maka perayu gagal mengendalikan kegiatan syarikat secara yang betul dan berpeluang memalsukan tandatangan SP1.

Hujahan Atas Isu-isu Rayuan

(a) Kebolehterimaan Masuk Dokumen P5A-C, P28, P29, P33, P41A-C dan P42

[25] Peguam yang bijaksana menghujahkan bahawa semua dokumen tersebut adalah merupakan dokumen yang dikeluarkan melalui computer. Maka itu s. 90A Akta Keterangan 1950 perlu

A dipatuhi dan pihak pendakwaan telah gagal mematuhinya dan oleh itu dokumen-dokumen tersebut tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan.

[26] Peguam merujuk kepada keputusan dalam kes *Bank Utama* B *(M) Bhd. v. Cascade Travel & Tours Sdn Bhd* [2000] 4 CLJ 457 yang memutuskan:

> The submission that pursuant to s. 90A(6) so long as a document is produced by a computer in the course of its ordinary use, blindly bypasses the need to satisfy the requirement of s. 90A(2) C of the Act. It is only after sub-s (2) has been complied with that sub-s(6) become effective.

[27] Oleh itu peguam menghujahkan sebelum sesuatu pihak boleh bergantung kepada andaian di bawah s. 90A(6) perlu pihak D tersebut mengemukakan satu sijil di bawah s. 90A(2) dan ini gagal dipatuhi oleh pihak pendakwaan.

[28] Diturunkan peruntukan s. 90A sub-s. (1), (2) dan (6) bagi kemudahan rujukan:

E 90A

> (1) In any criminal or civil proceeding a document produced by a computer, or a statement contained in such document shall be admissible as evidence of any fact stated therein if the document was produced by the computer in the course of F its ordinary use, whether or not the person tendering the same is the maker of such document or statement.
>
> (2) For the purposes of this section it may be proved that a document was produced by a computer in the course of its ordinary use by tendering to the court a certificate signed by G a person who either before or after the production of the document by the computer is responsible for the management of the operation of that computer, or for the conduct of the activities for which that computer was used.
>
> H (3) …
>
> (4) …
>
> (5) …
>
> I (6) A document produced by a computer, or a statement contained in such document, shall be admissible in evidence whether or not it was produced by the computer after the

commencement of the criminal or civil proceeding or after the commencement of any investigation or inquiry in relation to the criminal or civil proceeding or such investigation or inquiry, and any document so produced by a computer shall be deemed to be produced by the computer in the course of its ordinary use.

Apakah Eksibit-Eksibit Yang Terlibat Itu?

[29] Berdasarkan kepada hujahan peguam tersebut, mahkamah ini memeriksa kepada setiap eksibit yang dinyatakan itu untuk melihat apakah eksibit tersebut, bagaimana ianya menjadi keterangan kes pendakwaan dan relevansi dengan saksi yang mengemukakannya. Oleh kerana hakim sesyen tidak membuat 'ruling' ke atas dokumen-dokumen tersebut yang ditandakan sebagai eksibit 'P' walau pun dibantah kemasukannya sebagai keterangan oleh pihak pembelaan, mahkamah ini akan melihat adakah dokumen tersebut layak diterima masuk di mana hakim sesyen nampaknya telah membentuk sebahagian daripada penghakimannya daripada keterangan oleh saksi-saksi yang berkaitan dengan dokumen itu atau menggunapakai kandungan dokumen tersebut dalam penghakimannya. Anggapan di peringkat ini ialah dokumen-dokumen tersebut telah diterima masuk sebagai keterangan dan tidak memecahi peruntukan s. 90A Akta Keterangan.

[30] P5A-B (ms 385-386 RR) adalah penyata akaun (statement of account) cetakan computer UMBC Taman Sentosa Johor Bahru di atas nama Chuah Hee Chye (SP1) bagi bulan Disember 1994 dan Mac 1995. P5C (ms 387 RR) pula adalah penyata akaun EON Bank atas nama Mesbol Beach Resort bagi bulan Mac 1995.

[31] P5A-C telah dikemukakan sebagai keterangan melalui SP1 (pengadu) oleh pihak pendakwaan dan ditandakan sebagai eksibit (ms 58 RR). Rekod rayuan mencatatkan "P5A & B – belongs to UMBC Langkawi" tetapi sebenarnya Taman Sentosa. P5A adalah bagi menyokong keterangan SP1 bahawa pada 20 Disember 1994 SP1 ada mengeluarkan cek berjumlah RM100,000. Manakala P5B pula bagi menyokong keterangan SP1 bahawa pada 18 Mac 1995 dan 22 Mac 1995 SP1 ada mengeluarkan wang sejumlah RM1,300,399 dan RM300,000, masing-masing. P5C pula bagi menunjukkan bahawa mengikut penyata akuan MBR setakat 31 Mac 1995 sejumlah RM3,930,955.18 sen telah dikreditkan ke dalam akaun MBR di EON Bank Cawangan Georgetown bagi tempuh bulan Mac 1995.

[32] P28 adalah penyata akaun Oriental Bank di atas nama Yoong Tsen Construction Sdn Bhd bagi bulan September hingga Oktober 1995 (ms 512-517 RR). Semasa penggabungan bank-bank, Oriental Bank telah bergabung dengan EON Bank. P28 dimasukkan melalui saksi SP2 iaitu Branch Manager EON Bank, Cawangan Jalan Anson, Penang dan ditandakan sebagai eks. ID28 (ms 86 RR). Akaun Yoong Tsen Construction adalah dengan Oriental Bank sebelum bergabung dengan EON Bank. SP2 sebagai pengurus cawangan bertanggungjawab mengawal dan menyelia semua urusan perbankan EON Bank termasuk Oriental Bank selepas penggabungan. Tujuan P28 dikemukakan adalah untuk menunjukkan bahawa cek-cek 177158 dan 177161 telah di 'bank in' ke dalam akaun Yoong Tsen Construction pada 22 September 1995 dan 27 Oktober 1995, masing-masing. SP12 pemilik Yoong Seng Construction mengaku ada menerima bayaran melalui kedua-dua cek tersebut dari perayu dan telah menunaikan kedua-dua cek tersebut (ms 115 para D-E RR).

[33] P29 adalah cetakan computer 'Monthly Transaction Journal' bertarikh 31 Mei 1995 oleh Malayan Banking Bhd bagi transaksi akaun Yoong Seng Construction. Akaun tersebut pada mulanya dibuka dengan Pacific Bank tetapi selepas penggabungan bank, akaun tersebut diselenggara oleh Maybank Cawangan Jelutong. P29 dimasukkan sebagai keterangan oleh pihak pendakwaan melalui saksi SP3 iaitu pegawai bank Malayan Banking Cawangan Jelutong. Tugas SP3 di bank tersebut adalah 'to process authorizing signature of drawer and depositing bank slip'. Tujuan keterangan SP3 adalah untuk menunjukkan bahawa P29 ada merekodkan cek 177166 bernilai RM53144 dan 177172 bernilai RM82,457.90 ada dikreditkan ke dalam akaun Yoong Seng Construction (ms 87 dan 520-521 RR). SP12 mengaku ada terima bayaran dari perayu bagi kedua-dua cek tersebut yang telah SP12 tunaikan (ms 116 RR). SP12 mengeluarkan resit kepada perayu bagi setiap bayaran yang diterimanya (P51, P52, P53 dan P54 – ms 771-774 RR).

[34] P33 adalah penyata akaun UMBC di atas nama MBR bagi bulan Ogos dan Disember 1995 (ms 528-529 RR). P33 dimasukkan oleh pihak pendakwaan melalui saksi SP5 iaitu Penolong Pengurus Bahagian Operasi Maybank Cawangan MWE Plaza, Penang. Tujuan keterangan SP5 ialah untuk menunjukkan bahawa perayu ada membuka akaun persendirian di atas nama perayu di Maybank Cawangan MWE Plaza dan berdasarkan P33 dua cek UMBC No. 177153 berjumlah RM50,000 bertarikh 26 Ogos 1995 dan 177168

berjumlah RM100,000 bertarikh 27 Disember 1995 ada dicatatkan di ruang wang keluar. Akaun perayu di Maybank MWE Plaza ini ditutup pada 18 Mac 2004. Kedua-dua cek tersebut adalah dikeluarkan oleh MBR sebagai 'drawer'. SP3 tidak dapat mengemukakan penyata akaun perayu di Maybank kerana telah melebihi tujuh tahun dan tidak lagi boleh di 'retrieve'. SP3 mengaku tidak pernah secara sendiri berurusan dengan perayu dan oleh itu tiada pengetahuan peribadi ke atas kedua-dua cek tersebut kecuali melalui P33 dan cek terlibat (P4A-K).

[35] P41A-C adalah dokumen Tenaga Nasional Bhd. P41A adalah surat oleh TNB kepada Pegawai Penyiasat BSJP bagi melampirkan salinan bil dan maklumat kontrak pembekalan elektrik bagi premis No. 33 Lbh Bkt Jambul, Sg Nibong, Pulau Pinang (ms 676-678 RR). P41A-C telah dimasukkan oleh pihak pendakwaan melalui saksi SP8 iaitu Pengurus Perkhidmatan Pengguna dan Pemasaran TNB Pulau Pinang. Tujuan keterangan SP8 adalah untuk menunjukkan bahawa perayu ada memasuki kontrak bertarikh 1 Januari 1996 bagi bekalan elektrik ke atas premis No. 33 Lebuh Bukit Jambul. Kontrak tersebut ditutup (diberhentikan) pada 11 Ogos 2003 (ms 105 RR).

[36] P42 adalah penyata akaun United Oversea Bank di atas nama Ooi Meng Hua (perayu) bagi bulan September 1995 (ms 679 RR). P42 ini dikemukakan oleh pihak pendakwaan melalui saksi SP9 iaitu Credit Processing Officer OUB Bank yang juga pernah menjawat jawatan Pengurus Operasi di OUB Cawangan Bishop Street. Tujuan keterangan SP9 adalah untuk menunjukkan perayu ada membuka akaun semasa peribadi di OUB pada 10 Januari 1995 dan akaun itu ada menerima kemasukan wang sejumlah RM960,609 pada 14 September 1995 (nota keterangan ms 106 RR). Tetapi sebenarnya ialah sejumlah RM9,697.09 sen (ms 679 RR). Walau bagaimana pun keterangan SP9 adalah berasaskan kepada catatan yang terdapat pada cek tersebut (P4) kerana akuan perayu telah ditutup pada 8 Julai 1997 dan rekod asal tidak lagi disimpan oleh bank setelah melebihi tujuh tahun. Catatan pada cek menunjukkan cek 177152 ditunaikan pada 30 September 1995 walaupun di P42 menunjukkan sejumlah wang dimasukkan pada 14 September 1995. SP9 menjelaskan oleh kerana cek itu adalah dari UMBC Langkawi maka tempuh penjelasan cek agak panjang diambil. SP9 tidak dapat mengesahkan jika cek ini adalah yang dimaksudkan dalam P42 kerana P42 tidak memberikan nombor cek kecuali baki amaun akaun.

[37] Dalam hal pengemukaan keterangan yang berkaitan dengan cetakan computer, mahkamah ini merujuk semula kepada kes *Bank Utama (M) Bhd v. Cascade Travel & Tours Sdn Bhd (supra)* yang dirujukkan oleh peguam dalam hujahannya. Di ms 588 kes yang dirujuk, Mahkamah Rayuan dalam kes *Gnasegaran a/l Pararajasingam v. PP* [1997] 1 MLJ 1 memutuskan:

> Proof can either be by producing a certificate signed by someone solely in charge of the computer which produced the printout as required by s. 90A(2) or by an officer of the bank. In this case, Zainal (the bank officer) testified with regard to the documents because he was in charge of the operations of the current accounts and the bank officer was not challenged by the appellant on the accuracy of the entries of the documents produced. The *viva voce* evidence of the man in the witness box counts for more than a certificate issued by him.

[38] Dalam kes *Ahmad Najib bin Aris v. PP* [2009] 2 CLJ 800, Mahkamah Persekutuan telah menyentuh pemakaian s. 90A Akta Keterangan 1950. Dalam kes tersebut pihak pembelaan telah membantah penerimaan masuk laporan kimia sebagai eks. P83 di atas alasan ianya tidak mematuhi kehendak s. 90A Akta yang memerlukan sijil di bawah s. 90A. Mahkamah Persekutuan telah merujuk kepada kes *Gnasegaran a/l Pararajasingam (supra)* dan memetik dengan panjang lebar penghakiman oleh YA Augustine Paul FCJ dalam kes *Hanafi Mat Hassan v. PP* [2006] 3 CLJ 269 berkaitan tafsiran dan pemakaian s. 90A Akta. Mahkamah Persekutuan dalam kes tersebut memutuskan:

> In this case no certificate was tendered as required by section 90A(2) for proof of the chemist report (P83). Neither was any oral evidence adduced to show that the report was produced by a computer in the course of its ordinary use. It therefore remains that the only evidence available is that the report was produced by a computer. It is thus appropriate to resort to section 90A(6) to presume that the report was produced by the computer in the course of its ordinary use.

Berpandukan kes-kes yang dirujukkan di atas, mahkamah ini melihat kepada setiap eksibit yang dibantah oleh pembelaan tersebut.

Eksibit P5A & B Dan P5C

[39] Adalah jelas penyata akaun bulanan ini adalah cetakan computer di bawah maksud s. 90A(6) Akta iaitu 'in the course of its ordinary use'. Penyata ini dihantarkan kepada pemilik akaun dan dalam kes ini di atas nama SP1. SP1 memberi keterangan dengan

merujuk kepada penyata ini dan mengemukakannya sebagai eksibit. SP1 mempunyai pengetahuan peribadi ke atas kandungan P5A dan P5B tersebut. Keterangan tentang SP1 ada membuat bayaran tersebut seperti dinyatakan di P5A dan P5B itu dikukuhkan lagi dengan eks. P6A-C iaitu arahan pemindahan wang sejumlah RM1,300,399 (ms 388 RR) oleh SP1 dan borang deposit wang atas nama MBR yang ditulis oleh SP1 berjumlah RM300,000 bertarikh 22 Mac 1995 yang tidak dicabar pihak pembelaan. Jelasnya SP1 mempunyai milikan ke atas P5A dan B tersebut. Tambahan lagi keterangan *viva voce* SP1 adalah mengatasi P5A & B. Dengan yang demikian P5A dan P5B layak diterima masuk sebagai eksibit dan diberikan nilai berat keterangan.

[40] Bagi P5C pula, ianya adalah penyata akaun EON Bank atas nama MBR bagi bulan Disember 1995. Ia adalah cetak computer dan dihantarkan kepada pemilik akaun iaitu MBR. Selain daripada keterangan yang menunjukkan SP1 adalah menjadi Pengarah MBR mulai Disember 1994, tidak ada keterangan bagaimana P5C tersebut boleh berada dengan SP1 dan pengetahuan peribadi SP1 ke atas P5C tersebut. Oleh yang demikian, mahkamah ini berpendapat P5C tidak layak diterima masuk sebagai keterangan. Pun begitu ianya tidak menggugat keterangan lain yang ada yang jelas menunjukkan terdapat kemasukan wang bayaran daripada SP1 ke dalam akaun MBR seperti rekod Ledger Account MBR (P47C) dan keterangan SP1 sendiri serta P5A & B dan P6A-C yang membuktikan pengeluaran wang dari akaun SP1 dan pindahan ke akaun MBR. Tiada keraguan bahawa SP1 telah membayar bahagiannya sejumlah RM1.7 juta kepada MBR dan diperuntukkan 50% saham MBR yang dipegang oleh SP1 bersama isterinya.

Eksibit P28

[41] P28 dimasukkan melalui saksi SP2 yang merupakan pengurus cawangan EON Bank yang mengambil alih perbankan Oriental Bank setelah penggabungan Oriental Bank dan EON Bank. SP2 bertanggungjawab mengawal dan menyelia semua urusan perbankan EON Bank Cawangan Jalan Anson, Penang dan akaun Yoong Tsen Construction berada di bawah fortfolio kawalan dan seliaannya. Oleh itu SP2 adalah saksi yang berkelayakan untuk mengemukakan P28 sebagai eksibit bagi keterangan ke atas kemasukan cek 117158 dan 117161 ke dalam akaun Yoong Tsen Construction. Keterangan SP12 pemilik Yoong Tsen Construction mengukuhkan lagi kredibiliti dokumen P28. Oleh itu P28 layak diterima masuk sebagai eksibit pendakwaan.

A **Eksibit P29**

[42] Eksibit P29 adalah 'Monthly Transaction Journal' bertarikh 31 Mei 1995 oleh Malayan Banking Bhd bagi transaksi akaun Yoong Seng Construction. Eksibit ini dimasukkan melalui SP3 iaitu
B pegawai bank Malayan Banking. Dari butiran keterangan yang ada jelas SP3 tidak mempunyai pengetahuan peribadi bagi akuan tersebut dan tidak ditunjukkan apakah peranan bidang tugas SP3 merangkumi dalam urusan operasi dan seliaan akaun pelanggan. Tugas SP3 adalah khusus iaitu 'to process authorizing signature of
C drawer and depositing bank slip'. Dari butiran data-data yang ada di dalam P29 ia adalah cetakan computer di bawah maksud s. 90A. Mahkamah ini berpendapat SP3 tidak layak untuk memberi keterangan ke atas P29 dan membawa masuk P29 yang melibatkan keterangan ke atas cek 177166 dan 177172. Oleh itu P29
D sewajarnya ditolak dari menjadi eksibit pendakwaan. Walau bagaimana pun penolakan P29 tersebut masih tidak menjejaskan kes pendakwaan kerana keterangan SP12 adalah jelas membuktikan telah menerima bayaran melalui cek 177166 dan 177172 dan telah menunaikannya serta mengeluarkan resit kepada perayu (P51, P52,
E P53 dan P54) bagi pembayaran yang diterima oleh SP12 tersebut.

Eksibit P33

[43] P33 adalah cetakan computer penyata akaun UMBC di atas nama MBR bagi bulan Ogos dan Disember 1995. P33 ini
F dimasukkan oleh pihak pendakwaan melalui SP5 iaitu Pengurus Bahagian Operasi Maybank Cawangan MWE Plaza, Penang. P33 adalah bertujuan untuk menunjukkan cek 177153 bernilai RM50,000 dan 177168 bernilai RM100,000 ada dimasukkan ke dalam akaun persendirian perayu yang dibuka di Maybank
G Cawangan MWE Plaza. Tiada apa-apa maklumat atau penyata lain yang dapat dikemukakan berkaitan akaun perayu tersebut kerana akaun telah ditutup melebihi tujuh tahun. Oleh itu kehadiran SP5 adalah bagi memberi keterangan berdasarkan butiran kandungan yang terdapat dalam P33. SP5 tiada pengetahuan peribadi ke atas
H akaun perayu. Keterangan SP5 oleh itu tergolong di bawah kaedah dengar cakap (hearsay) apabila perlu bergantung kepada P33 yang bukan disediakan atau dikeluarkan oleh bank SP5. Mahkamah ini berpendapat SP5 bukanlah saksi yang layak untuk mengemukakan P33 sebagai eksibit di atas alasan P33 bukan di bawah kawalan
I SP3 atau dibuat oleh SP3 atau dikeluarkan oleh bank SP5. P33 dikeluarkan oleh bank lain. Oleh yang demikian P33 tidak boleh

diterima masuk sebagai eksibit pendakwaan. Walau pun begitu kes pendakwaan dalam hal cek 177153 dan 177168 tersebut tidak terjejas disebabkan eks. P47 telah juga membutirkan kedua-dua cek tersebut seperti yang terdapat dalam Ledger P47C(ii)B di bawah tajuk kecil 'Opening Balance' dicatatkan sebagai 'Refund to Director' yang merujuk kepada perayu (ms 716 RR).

Eksibit P41A-C

[44] Ketiga-tiga eksibit milik TNB tersebut dikemukakan oleh pihak pendakwaan melalui saksi SP8 iaitu Pengurus Perkhidmatan Pengguna dan Pemasaran TNB Pulau Pinang. Adalah jelas dokumen-domunen tersebut (ms 676-678 RR) adalah cetakan computer 'in the course of its ordinary use' seperti yang dimaksudkan oleh s. 90A(6) Akta. Mahkamah ini berpendapat SP8 adalah saksi yang layak mengemukakan dokumen tersebut untuk menjadi eks. P41A-C pendakwaan. Oleh itu bantahan peguam bagi penerimaan masuk P41A-C tidak punyai merit.

Eksibit P42A

[45] P42A adalah cetakan computer penyata akaun United Oversea Bank di atas nama perayu bagi bulan Disember 1995 (ms 679 RR). Penyata ini dikemukakan oleh pihak pendakwaan melalui SP9 iaitu Credit Processing Officer yang juga pernah menjadi Pengurus Operasi OUB Cawangan Bishop Street, Penang. Mahkamah ini berpendapat SP9 di atas kapasiti jawatan dan bidang tanggungjawab beliau, adalah saksi yang layak mengemukakan eks. P42A dan eksibit ini tergolong di bawah maksud s. 90A(6) Akta. Penyata yang dirujukkan itu adalah dikeluarkan oleh bank SP9 'in the course of its ordinary use'. Jika pun tanpa P42A tersebut, kes pendakwaan tidak tergugat dalam hal cek 177152 bernilai RM9,697.09 sen kerana eks. P47C(ii)B telah mencatatkan cek tersebut sebagai 'Refund to Director' iaitu perayu (ms 716 RR). Oleh itu hujahan peguam bagi eks. P42A tidak mempunyai merit.

[46] Kesimpulannya mahkamah ini berpendapat rayuan perayu dalam isu yang melibatkan eks. P5A-C, P28, P29, P33, P41A-C dan P42 tidak mempunyai merit.

A *(b) Isu Kebolehpercayaan Keterangan Pengadu (SP1)*

[47] Peguam yang bijaksana menghujahkan bahawa walau pun pihak pembelaan telah menunjukkan kepada mahkamah bahawa keterangan pengadu (SP1) mempunyai keraguan untuk diterima
B tetapi hakim sesyen telah tidak menyentuh langsung ke atas pencabaran kebolehpercayaan keterangan pengadu. Penghakiman hakim sesyen di ms 190-192 telah merujuk kepada keterangan pengadu tetapi tidak membuat apa-apa dapatan terhadap kredibiliti keterangan pengadu tersebut untuk diterima bagi menjadi asas
C keterangan kes pendakwaan.

[48] Hakim sesyen telah menerima keterangan SP1 bahawa tiada persetujuan di antara SP1 dan perayu mengenai pinjaman peribadi oleh pengarah syarikat dan menolak keterangan perayu bahawa
D terdapat persetujuan tentang pinjaman peribadi oleh pengarah syarikat.

[49] Hakim sesyen juga telah menerima keterangan SP1 bahawa RM1,700,000 yang dibayar oleh SP1 merupakan RM1 juta wang pembelian 50% saham MBR dan RM700,000 merupakan pinjaman
E oleh SP1 kepada MBR dan menolak keterangan perayu bahawa RM1,700,000 tersebut adalah wang belian 50% saham MBR yang diasaskan kepada bahagian tanah yang dibeli oleh SP1 pada nilai RM20 sekaki persegi yang bermakna SP1 perlu membayar RM1.9 juta kepada MBR.

F

[50] Pihak pembelaan telah mengemukakan hujahan berikut yang melibatkan keterangan SP1 yang dikatakan adalah penting untuk dipertimbangkan oleh hakim sesyen sebelum keterangan pengadu tersebut boleh diberi nilai berat kebolehkepercayaannya:

G

(i) SP1 mengatakan semasa pemeriksaan utama: "I put RM1,700,000 capital into this company. 1 million is for purchase of 50% of company's share. RM700,000 is a loan to the company." (ms 54 RR).

H

Apabila disoal balas SP1 mengatakan bahawa beliau meminjamkan RM700,00 kepada syarikat tetapi tiada apa-apa perjanjian bertulis dimasuki (ms 60 RR).

(ii) SP1 juga mengatakan semasa soal balas: "In 1992 I was
I only a director of Mesbol Beach Resort Sdn Bhd and also another two companies by the name South Malaysia Tour

Sdn Bhd and Gemine Printing Sdn Bhd. Both Tour company and Gemine Printing belongs to the accused. I was a director in these two company." (ms 61 RR)

Dari keterangan SP1 tersebut, perkongsian pemilikan syarikat antara SP1 dan perayu bukan hanya dalam MBR tetapi terdapat juga dua syarikat lain iaitu South Tour Sdn Bhd dan Gemine Printing Sdn Bhd yang SP1 juga menjadi pengarah.

(iii) Di ms 62 RR semasa soal balas, SP1 mengatakan:

Put: Before 1.12.1994 you were not involved with Mesbol at all.

A: No.

Eksibit D9 (ms 404 RR) adalah surat bertarikh 21 November 1994 yang ditandatangani di bawah nama SP1 yang mengemukakan perletakan jawatan sebagai pengarah Mesbol Beach Resort Sdn Bhd.

Keterangan yang ada menunjukkan SP1 mula menjadi pengarah MBR pada Disember 1994 setelah membeli saham dalam MBR. SP1 dan isteri SP1 diperuntukkan saham MBR sebanyak 400,000 unit dan 600,000 unit masing-masing pada 28 April 1995 (eks. P48 ms 765 RR).

(iv) Dalam perkara pelaburannya dalam MBR, keterangan SP1 semasa di soal balas:

Q: When you buy 50% share what do you think you are buying.

A: I have no experience. I believe and trusted him (accused) and I invest. I believe it was good investment at that time.

Put: You are investing in the land through the company.

A: Yes.

Hujahan peguam bahawa keterangan ini selari dengan pembelaan perayu bahawa SP1 membayar RM1.7 juta adalah bagi bahagiannya ke atas tanah Lot 85 tersebut sebanyak 50%. Keterangan menunjukkan satu-satunya harta yang dipunyai oleh MBR ialah tanah Lot 85, Mukim Kuah,

Langkawi tersebut. Perayu dalam pembelaannya mengatakan harga jualan sekaki persegi tanah bagi bahagian SP1 adalah RM20.00 yang bermakna SP1 perlu membayar RM1.9 juta dan dari jumlah itu RM1.7 juta telah dibayar dan tidak benar SP1 mengatakan RM700,000 dari RM1.7 juta tersebut sebagai pinjaman SP1 kepada MBR. Pembelaan perayu ini telah dikemukakan kepada SP1 semasa pemeriksaan balas (ms 67 RR).

(v) SP1 juga semasa soal balas mengatakan sejumlah dua juta saham diterbitkan dari jumlah itu, 999,999 dipegang perayu dan 1 unit lagi isteri perayu. Ini adalah konsisten dengan untukan saham kepada SP1 iaitu juga 1 juta unit di mana 400,000 unit kepada SP1 dan 600,000 unit atas pegangan isteri SP1 (ms 64 baris C RR). Harga nilai pasaran tanah terlibat melebihi RM2.45 juta (ms 64 baris B RR). Eksibit D11 (ms 406 RR) menganggarkan nilai pasaran tanah selepas dibuat tukar syarat guna tanah kepada kegunaan komersil ialah RM5,110,000 walau pun SP1 mengatakan ianya hanyalah idea business sahaja (ms 65 RR).

(vi) Keterangan SP1 juga mengatakan SP1 yang melantik firma akauntan Wong Thai Sun & Assoc. sebagai inspector bagi menyiasat hal ehwal pengurusan dan kewangan MBR bagi tempoh 31 Disember 1995 - 31 Disember 1996. Tetapi apabila eks. P43 (ms 680) dirujukkan kepada SP1 adalah jelas pelantikan tersebut dibuat oleh MBR yang mana perayu juga terlibat dan bukan oleh SP1 seorang sahaja dan "fee" perkhidmatan Inspector dibayar oleh MBR.

(vii) Keterangan juga menunjukan SP1 dan perayu ada bercadang untuk menjualkan tanah tersebut pada harga RM8.5 juta tetapi tidak menjadi (ms 65 baris D-E RR).

(viii) SP1 juga mengatakan bahawa SP1 tidak pernah mempunyai bentuk tandatangan yang berlainan dan menafikan tandatangan di eks. D16 (ms 434) dan D17 (ms 445 & 451) sebagai tandatangannya. "I never change my signature in my life" kata SP1 di ms 80 RR.

Apabila pembelaan menunjukkan kepada SP1 satu surat bertarikh 15 Januari 1980 yang mempunyai nama dan tandatangan atas nama SP1 yang dihantar kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri bagi memohon mendapatkan semula

passport SP1 yang ditarik balik kerana terlibat dengan kesalahan penipuan di luar negara (eks. IDD22 di ms 460 RR), SP1 mengatakan tidak dapat mengesahkan itu adalah tandatangannya kerana dokumen tersebut adalah salinan fotokopi.

IDD22 melihatkan bentuk tandatangan di atas nama SP1 adalah berlainan dari yang SP1 nyatakan tidak pernah menukar tandatangan dan menafikan D16 dan D17 sebagai tandatangannya. Significant IDD22 ini ialah ianya memberi faedah kepada SP1 dan kandungannya butir-butir peribadi yang hanya SP1 sahaja punyai pengetahuan ke atasnya. Malangnya pihak pembelaan tidak menjadikan IDD22 ini sebagai D22 (ms 460 RR).

Peguam menghujahkan SP1 dari masa ke semasa memang pernah menukar tandatangannya dan oleh itu keterangan SP1 tersebut hendaklah ditimbangkan dengan berhati-hati bukan secara yang 'simplistic' dan hakim sesyen telah gagal memberikan pertimbangan ke atasnya.

(ix) Peguam juga menghujahkan bahawa kejujuran SP1 juga wajar diragui apabila SP1 mengatakan tidak tahu mengenai akaun. SP1 mengatakan: "I know nothing about the account" (ms 76 baris D RR). Keterangan yang ada menunjukkan SP1 telah lama terlibat dalam dunia perniagaan hingga ke luar negara (ms 460-462). Malahan keterangan SP10 mengatakan "Chuah Hee Chye know accounting better" (baris B-C ms 119 RR).

Walaupun keterangan SP1 tersebut adalah dibuat dalam konteks akaun semasa MBR yang SP1 mengatakan tidak tahu menahu tetapi hujahan peguam dibuat dalam konteks bahawa D16 dan D17 adalah juga ditandatangani oleh SP1 (yang mana SP1 menafikan tandatangannya).

(x) Kejujuran SP1 juga dipertikaikan oleh peguam apabila SP1 mengatakan bahawa SP1 sendiri yang membuat pengaduan kepada Institut Akauntan Malaysia (MIA) sebelum melantik dan mendapatkan laporan pemeriksaan oleh firma Wong Thai Sun & Assoc. Tetapi daripada eks. P7 adalah jelas laporan firma Wong Thai Sun & Assoc. bertarikh 11 Disember 2002

telah dikeluarkan lebih awal daripada tarikh 31 Disember 2001 iaitu tarikh pengaduan SP1 kepada MIA dan kandungan surat pengaduan SP1 tersebut adalah menggunakan perkataan-perkataan yang sama yang terdapat dalam laporan firma Wong Thai Sun & Assoc. (ms 79 dan 454 RR).

[51] Di atas cabaran-cabaran yang dikemukakan ke atas SP1 semasa SP1 memberi keterangannya itu dan keterangan-keterangan lain yang terdapat, peguam menghujahkah hakim sesyen sewajarnya membuat dapatan ke atas kebolehpercayaan keterangan SP1 dan tidak hanya terus merumuskan keterangan SP1 telah membentuk keterangan pendakwaan terhadap perayu. Oleh yang demikian peguam menghujahkan kegagalan tersebut adalah merupakan satu 'non-direction' yang serious.

[52] Mahkamah ini berpendapat hujahan peguam dalam isu ini nampaknya mempunyai merit tetapi adakah keterangan-keterangan yang ada lainnya menjadikan kegagalan tersebut tidak boleh disifatkan sebagai kecacatan penghakiman yang serius.

(c) Isu Pinjaman Wang Oleh Perayu Dari MBR Dan Adakah Perayu Punyai Niat Curang

[53] Mahkamah ini menggabungkan isu pinjaman wang oleh perayu dari MBR di perenggan (c) dan elemen niat curang ke atasnya di perenggan (e) di bawah satu tajuk kerana isu tersebut saling berhubung rapat.

[54] Isu ini adalah yang terpenting untuk diberikan pertimbangan kerana jika sekiranya wang yang diterima oleh perayu itu adalah merupakan pinjaman yang dibolehkan dan dipersetujui di antara pengarah maka persoalan pecah amanah jenayah ke atas harta terlibat tidak lagi menjadi isu. Sama ada persetujuan perlu dibuat secara resolusi bertulis atau lisan atau melalui perlakuan adalah perkara lain kerana ianya hanya merupakan kaedah kepada persetujuan, jika ada. Seksyen 133 Akta Syarikat tidak menghalang pengarah syarikat 'exempt private' membuat pinjaman daripada syarikat. Seksyen 4 Akta tersebut memberikan definasi perkataan "exempt private company" sebagai:

> a private company in the shares of which no beneficial interest is held directly or indirectly by any corporation and which has not more than twenty members none of whom is a corporation.

[55] MBR adalah tergolong dalam definasi ini di mana pemegang saham terdiri daripada empat individu persendirian, iaitu perayu dan isteri serta SP1 dan isteri.

[56] Jika sekiranya pembayaran tersebut tergolong di bawah pinjaman yang membolehkannya dibuat oleh perayu, maka perkara berkaitan apa yang perayu ingin lakukan dengan wang yang diterimanya sebagai pinjaman yang sah menjadi tidak penting bagi mahkamah ini untuk melihat dan mencampurinya.

[57] Peguam menghujahkan bahawa terdapat persetujuan di antara pengadu (SP1) dan perayu mengenai pinjaman dari syarikat MBR yang hakim sesyen telah gagal memberikan perhatian dalam penghakimannya. Peguam juga menghujahkan kesemua pinjaman wang yang dibuat oleh perayu dari MBR telah direkodkan dalam akaun semasa MBR dan dengan yang demikian dapatan hakim bahawa perayu mempunyai niat curang adalah satu kesilapan dan salah arah yang telah menyebabkan salah laksana keadilan.

[58] Semasa disoal balas oleh pihak pembelaan, SP1 memberi keterangan berikut (ms 80 RR):

Q: Can you remember taking money from the company.

A: The company refunded me RM250,000 against my loan of RM700,000.00

Cheque for RM250,000 refers.

Agree this is the cheque.

Cheque for RM250,000 – IDD23.

Put: There is no written agreement to show that you lent RM700,000.

A: No agreement.

Put: This RM250,000 was taken after the company got one million loan from UMBC.

A: Yes, agree.

Put: You and the accused agree that either of you can take out money from the company as advance to director.

A: I don't agree.

A Put: The RM250,000 you took is in fact an advances to you.

A: Disagree. It is refund to my loan.

Put: The 11 cheques taken by the accused was taken with your tacit approval.

B

A: I don't agree.

Put: The 11 cheques were recorded as advance to directors in the company's record.

C A: This is accounting matter. I do not know how to answer.

[59] Perayu dalam pembelaannya mengatakan wang RM250,000 tersebut adalah pinjaman oleh MBR kepada SP1 apabila SP1 memerlukan wang. Perayu mengatakan pinjaman RM250,000 tersebut telah dirujukkan kepada juru odit syarikat dan diberi D nasihat bahawa SP1 selaku pengarah boleh mendapat 'advance' dari syarikat (ms 159 RR).

[60] Peguam menghujahkan bahawa kesemua butiran 11 cek tersebut telah dicatatkan dalam penyata-penyata akaun (ledger E account) yang disediakan oleh 'book keeper' MBR iaitu Bah Teik Aun (SD2) dari JB, Lau & Associates. Catatan tersebut dapat dilihat di eks. P47C(ii)B (ms 716 RR) dan P47C(ii)H (ms 722 RR). Baucer tunai bagi cek-cek tersebut adalah seperti di eks. D24 (ms 464-473 RR). Hakim sesyen langsung tidak merujuk kepada eks. F P47C(ii)B, P47C(ii)C, P47C(ii)H, P47C(ii)G(5) dan P47C(ii)G(6) dalam penghakiman beliau. Kesemua dokumen-dokumen ini adalah merupakan dokumen yang 'contemporaneous' yang patut diberi nilai keberatan oleh mahkamah.

G **[61]** Peguam juga menghujahkan bahawa semua butiran yang terdapat dalam P47C(ii)C dan P47C(ii)H telah disahkan dan dibutirkan dalam penyata akaun beraudit semasa MBR bagi tahun kewangan 1995 dan 1996 (eks. D16 dan D17) yang ditandatangani oleh juru odit iaitu SD4 dari Tetuan JB, Lau & Associates dan H dicatatkan sebagai 'give a true and fair view of the state of affairs of the company' (ms 452 RR). Penyata itu turut ditandatangani oleh perayu dan terdapat juga tandatangan SP1.

[62] Peguam juga menghujahkan bahawa mungkin boleh dikatakan I perayu telah gagal mengadakan 'corporate governance' yang sempurna apabila tidak memastikan baucer-baucer di D24 ditandatangani atau pun mengadakan resolusi syarikat diperbuat

bagi pinjaman-pinjaman tersebut tetapi ia adalah suatu berbeza untuk mengatakan perayu telah melakukan pecah amanah jenayah semata-mata kerana baucer-baucer tersebut tidak dibuat sempurna. Alasan peguam ialah terdapatnya persafahaman di antara perayu dan SP1 bahawa masing-masing boleh mengambil pinjaman dalam bentuk 'advance' dari syarikat (ms 159 para D-E RR).

[63] Di atas keterangan-keterangan yang ada, peguam menghujahkan bahawa setiap 'advance' yang diambil oleh perayu telah direkodkan dalam akaun MBR dan diambil dengan pengetahuan dan persetujuan pengadu yang juga pernah menerima 'advance' sejumlah RM250,000. Oleh yang demikian, peguam menghujahkan bahawa perayu tidak mempunyai niat curang untuk melakukan pecah amanah jenayah ke atas harta MBR seperti dalam pertuduhan.

Mahkamah ini akan mengulas dan membuat keputusan perkara ini pada peringkat lanjut dalam penghakiman ini.

(d) Isu Perayu Berpeluang Memalsukan Tandatangan Pengadu (SP1)

[64] Mahkamah ini menggabungkan isu ini dengan isu rayuan di perenggan (g) di atas kerana isu tersebut punyai hubung kait.

[65] Peguam menghujahkan bahawa hakim sesyen telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila mengatakan dalam 'Finding' beliau bahawa "Melihat kepada cara OKT menguruskan kewangan syarikat dan tidak ada sesiapa yang menyelia beliau, OKT adalah satu-satunya orang yang berpeluang untuk memalsukan tandatangan SP1."

[66] Isu pemalsuan tandatangan timbul apabila SP1 menafikan tandatangan di eks. D16 dan D17 adalah milik SP1. SP1 juga menafikan tandatangan eksibit 'Director's Resolution' di P25 dan B1-B5 adalah tandatangan beliau (ms 813-817 RR).

[67] D16 adalah 'Reports and Accounts MBR' bagi tahun berakhir 31 Disember 1995 (ms 430-439 RR). D17 pula adalah 'Reports and Accounts MBR' bagi tahun berakhir 31 Disember 1996 (ms 440-452 RR). P25 (termasuk sama B1-B5) pula ialah Director's Resolution bertarikh 6 Jun 1995 hingga 29 Jun 2000 yang diluluskan bagi penukaran juru odit MBR, pertukaran alamat dan lain-lain (ms 474-493 RR). SP1 mengatakan tandatangan beliau di atas dokumen-dokumen tersebut telah dipalsukan.

[68] Perayu pula mengatakan dokumen-dokumen tersebut adalah tandatangan SP1 bersama perayu sendiri. Perayu menafikan memalsukan tandatangan SP1 dengan alasan kesemua dokumen terlibat adalah disediakan dan diuruskan oleh setiausaha syarikat dan juru odit syarikat (ms 156-157 RR). Perayu tidak menafikan MBR adalah diuruskan oleh beliau sejak dari mula ditubuhkan kerana SP1 hanya berminat untuk melabur dalam MBR dan diperuntukkan saham bagi bahagiannya setelah membuat bayaran RM1.7 juta. Perayu juga mengatakan SP1 tidak menghadiri mesyuarat MBR dan semua dokumen yang perlu ditandatangan bersama akan ditandatangani dahulu oleh perayu dan selepas itu setiausaha syarikat atau juru odit akan mendapatkan tandatangan SP1.

[69] SP7 (Lee Peng Loon) dari firma Corporate Net Sdn Bhd iaitu bekas setiausaha syarikat MBR bagi tahun 1995-1996 mengatakan kebanyakan dokumen dan resolusi MBR dihantarkan secara pos bagi mendapatkan tandatangan pengarah atau pemegang saham MBR seperti yang terdapat di eks. P37 "Mesbol Beach Resort Sdn Bhd.: Minutes and Resolutions) (ms 104 dan 535-667 RR). Di dalam P37 tandatangan SP1 terdapat di dokumen-dokumen bagi tempoh 27 April 1995 - 14 Ogos 2001 seperti yang kelihatan di ms 554, 556, 558, 560, 562, 563, 564, 570, 571, 572, 574, 577, 579, 581, 583, 586, 591, 593, 600, 603, 605, 607, 612, 613, 615, 616, 617, 618, 622, 623, 625, 626, 628, 630, 632, 634, 635, 636, 639, 640, 641, 646, 648, 649, 652, 655, 656-659 rekod rayuan. Walau pun dikatakan SP1 tidak terlibat dalam urusan harian MBR tetapi dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan melalui P37 tersebut tidak pula dinafikan oleh SP1 sebagai tandatangannya.

[70] Semasa kes pendakwaan, saksi pakar tulisan dan tandatangan SP15 (ahli kimia) telah dipanggil memberi keterangan ke atas perbandingan tandatangan yang terdapat dalam D16 (Dokumen B6 dan E1 – Penyata Tahunan dan Akaun MBR bagi tahun 1995 ms 819 dan 815 RR) dan D17 (Dokumen E2 - Penyata Tahunan dan Akaun MBR bagi tahun 1996 ms 859 RR) serta dokumen B1-B5 (ms 813-817 RR). SP15 mengatakan tandatangan yang terdapat di D16 dan D17 adalah tidak sama dengan contoh tandatangan SP1 yang konsisten bentuk dan ciri-cirinya bagi dokumen-dokumen yang dibuat perbandingan untuk tempoh 1995-2006 (D1-D7 di ms 833-843). Walaubagaimanapun semasa disoal balas oleh pihak

pembelaan, SP15 bersetuju jika seseorang yang sama berniat untuk membuat tandatangan yang berbeza, maka mungkin tidak dapat ditentukan tandatangan itu adalah dari orang yang sama (ms 136 RR). Walau bagaimana pun pihak pembelaan telah tidak mengambil kesempatan semasa keterangan SP15 tersebut untuk meminta SP15 melihat kepada eks. IDD22 yang dikatakan terdapat tandatangan SP1 walau pun pihak pembelaan telah merujukkan kepada SP1 semasa SP1 memberi keterangan. Kaedah keterangan tidak menghalang rujukan perbandingan secara terus di mahkamah di buat oleh pakar tulisan dan tandatangan bagi saksi pakar memberikan pendapatnya.

[71] Peguam menghujahkan dengan keterangan yang ada adalah tidak betul untuk hakim sesyen membuat 'adverse inference' bahawa oleh kerana perayu yang sepenuhnya mengendalikan urusan MBR maka perayu berpeluang memalsukan tandatangan SP1 bagi dokumen-dokumen yang SP1 nafikan sebagai tandatangannya. Inferens sedemikian telah memprejudiskan perayu.

[72] Dalam kes *PP v. Mohamed bin Abdul Jabbar* [1948-49] dikatakan bahawa adalah satu kesilapan apabila hakim bicara menyamakan kecuaian dengan ketidakjujuran. Adalah undang-undang mantap bahawa kecuaian, malah jika melampau pun kecuaian itu, tidak patut disamakan dengan takrif ketidakjujuran di bawah Kanun Keseksaan. Mahkamah ini akan menyentuh lanjut dalam perkara ini di penghakiman ini kemudiannya.

(e) Isu Bahawa Keterangan SD2 dan D24 Adalah 'Self Service Document' Dan Perayu Punyai Dominan Ke Atas Syarikat

[73] Peguam yang bijaksana menghujahkan bahawa hakim sesyen telah khilaf apabila mengatakan "Pembelaan tidak menafikan bahawa OKT telah mengambil dan menggunakan 11 cek syarikat MBR untuk kegunaan sendiri. Apa yang dipertikaikan ialah OKT tiada niat curang untuk melesapkan harta syarikat kerana adanya baucer D24 yang merekodkan wang-wang tersebut kononnya diambil oleh OKT sebagai "pinjaman kepada pengarah". Malah OKT kata wang yang dipinjamkan oleh beliau kepada syarikat MBR jauh lebih banyak daripada yang dipinjam oleh beliau dari syarikat. Baucer D24 itu disediakan atas arahan OKT dan mengandungi maklumat-maklumat yang "favourable" kepada OKT sahaja. D24 adalah 'self-service document'. Pembuat D24 (SD2)

A tidak menandatangani D24 kerana beliau tidak boleh "verify" samada maklumat mengenai "advance" itu adalah betul atau tidak. Dokumen yang lebih adil untuk dirujuk dan memberikan gambaran yang benar ialah P7".

B **[74]** Peguam menghujahkan dokumen D24 (baucer) adalah disediakan oleh SD2 dan merupakan dokumen yang 'comtemporaneous' dan wajar diberi nilai berat. D24 hendaklah dilihat dari apa yang terkandung di dalamnya dan tidak wajar dibuat inferens yang bertentangan dengan kandungannya tanpa keterangan sebaliknya
C yang menafikan kebenaran kandungannya. Malah D24 tersebut disokong oleh ledger account yang juga merupakan dokumen 'contemporaneous' yang mencatatkan 'advance' dan 'refund' diberikan kepada pengarah MBR termasuk SP1 dan perayu sendiri (eks. P47C(ii)B, P47C(ii)C dan P47C(ii)H.) Eksibit P47 adalah
D dokumen yang dikemukakan oleh pendakwaan sendiri dan kandungannya gagal diberikan pertimbangan oleh hakim sesyen yang hanya melihat kepada eks. P7 sedangkan kebolehterimaan masuk eks. P7 telah dipertikaikan oleh pembelaan (ms 108 RR).

E **Cabaran Ke Atas Penerimaan Masuk P7**

[75] P7 adalah merupakan "Inspectors' Report For The Year Ended 31 December 1995 dan 31 December 1996 Mesbol Beach Resort Sdn. Bhd." (ms 390-400 RR). P7 telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan melalui saksi SP1 dan ditandakan sebagai ID7
F (ms 58 RR). Pihak pembelaan telah membantah pengemukaan P7 sebagai eksibit keterangan kerana dikatakan tidak mematuhi peruntukan s. 202 Akta Syarikat 1965 apabila tiada 'certification' Menteri didapatkan (ms 108 RR). P7 telah dijadikan eksibit apabila SP10 memberi keterangan. SP10 adalah akauntan daripada firma
G akauntan Wong Thai Sun & Associates yang dilantik MBR pada 17 Ogos 2001 sebagai Inspector di bawah s. 199 Akta Syarikat bagi tujuan "to investigate on the company's affairs for the financial years ended 31 December 1995 and 31 December 1996" (eks. P43 ms 680 RR).

H

[76] Menurut SP1 firmanya telah menyediakan laporan penyiasatan pada 11 Disember 2001 dan SP10 telah merujuk kepada laporan tersebut iaitu ID7 (P7). SP10 mengatakan bahawa kerja-kerja penyiasatan seperti terma lantikan telah dilakukan oleh
I SP10 sendiri bersama rakan-rakan dalam firmanya dan antara dokumen-dokumen yang menjadi rujukan dalam penyiasatannya

ialah dokumen yang terdapat dalam P47 yang menjadi lampiran kepada P7. Peguam juga membantah kemasukan P47 di bawah alasan yang sama.

[77] Hakim sesyen telah menolak bantahan peguam ke atas penerimaan masuk P7 tersebut di atas alasan P7 adalah merupakan dokumen laporan asal dan isu nilai berat terhadap kandungan P7 boleh dihujahkan oleh peguam.

[78] Seksyen 202 Akta Syarikat memperuntukkan:

> A copy of the report of any inspector appointed under this Part certified as correct by Minister shall be admissible in any legal proceedings as evidence of the opinion of the inspector and of facts upon which his opinion is based in relation to any matter contained in the report.

[79] Mahkamah ini berpendapat penerimaan masuk P7 sebagai keterangan oleh hakim sesyen adalah teratur dan betul dilakukan. Alasan mengapa mahkamah ini berpendapat sedemikian, ialah:

(a) P7 telah dikemukakan melalui pembuatnya iaitu SP10;

(b) SP10 mempunyai pengetahuan peribadi ke atas kandungan P7;

(c) P7 adalah dokumen laporan asal;

(d) P7 hanyalah merupakan laporan yang berbentuk pendapat;

(e) keperluan 'certification' oleh Menteri hanya perlu jika P7 tidak dikemukakan melalui pembuatnya;

(f) prinsip 'admissibility' P7 perlu dibezakan dengan 'weight' yang akan diberikan ke atas kandungannya yang masih perlu dibuktikan kebenarannya melalui keterangan.

[80] Walaupun P7 tersebut layak diterima masuk sebagai eksibit, ianya adalah butir-butir yang dikumpulkan (compiled) melalui maklumat, temubual dan rekod-rekod MBR dan pendapat Inspector dirumuskan terhadapnya dalam bentuk laporan. Oleh itu kaedah keterangan 'hearsay' adalah terpakai ke atas P7. Maka itu keterangan SP10 juga tertakluk kepada kaedah yang sama. Oleh yang demikian keterangan perlu dibawa bagi membuktikan kebenaran yang terdapat dalam kandungan P7 tersebut. Di sinilah significant keterangan SP1 (pengadu), SP7 (setiausaha syarikat) dan lain-lain saksi langsung diperlukan dalam membentuk kes

pendakwaan dan ianya termasuk semua 'contemporaneous documents' yang mana pembuatnya telah hadir memberi keterangan berkaitan dengannya.

[81] Oleh yang demikian mahkamah ini berpendapat bantahan dan hujahan peguam dalam isu ini tidak mempunyai merit.

Pecah Amanah Jenayah

[82] Seksyen 405 Kanun Keseksaan memberikan maksud perkataan "pecah amanah jenayah" adalah seperti berikut:

> Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta sama ada sendirian atau bersesama dengan mana-mana orang lain, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, dengan curangnya menyalahgunakan, harta itu atau menjadikan bagi kegunaannya sendiri, atau dengan curangnya menggunakan, atau melepaskan harta itu dengan melanggar apa-apa arahan undang-undang yang menetapkan cara bagaimana amanah itu kena disempurnakan, atau apa-apa kontrak di sisi undang-undang, yang nyata atau yang disifatkan ada, yang ia telah buat mengenai penyempurnaan amanah itu, atau dengan bersengaja membiarkan mana-mana orang lain berbuat demikian itu, adalah melakukan "pecah amanah jenayah".

[83] Perayu di dalam kes rayuan ini dituduh di bawah kesalahan s. 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan seperti berikut:

> Barang siapa, yang dengan apa-apa cara telah diamanahkan dengan harta, atau dengan apa-apa kuasa atas harta, atas sifatnya sebagai seorang penjawat awam atau seorang ajen, melakukan pecah amanah jenayah mengenai harta itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih daripada dua puluh tahun, dan dengan sebat, dan boleh juga dikenakan denda.

[84] Dalam kes *PP v. Yeoh Tech Chye* [1981] 2 MLJ 176 di ms 178, Wan Suleiman FJ menerangkan unsur-unsur yang perlu ada bagi kesalahan pecah amanah jenayah adalah seperti berikut:

> Harking back to first principles, for a person to be guilty of the offence of criminal breach of trust he should be:
>
> (i) entrusted with property or dominion over the preoperty;
>
> (ii) (a) that he should dishonestly misappropriate or convert it to his own use
>
> OR

(b) dishonesly use or dispose of the property or willfully suffer any other person so to do in violation of

(iii) (a) any direction of law prescribing the manner in which such trust is to be discharged OR

(b) of any legal contract made touching the discharge of such trust.

[85] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Navaratnam v. Public Prosecutor* [1973] 1 MLJ 154 dalam membincangkan unsur niat curang telah mengatakan:

> On the question of dishonest intention, we can do no better than quote a passage from the judgment of Fazl Ali J in *Harakrishna Mahatab v. Emperor* AIR [1930] Patna 209. Fazl Ali J said:
>
> > It is not necessary or possible in every case of criminal breach of trust to prove in what manner the money was spent or appropriated by the accused, because under the law even temporary retention is an offence provided that it is dishonest; but the essential thing to be proved in case of criminal breach of trust is whether the accused was actuated by dishonest intention or not. As to question of intention is not a matter of direct proof, the courts have from time to time laid down certain broad tests which would generally afford guidance in deciding whether in a particular case the accused had or had not *mens rea* for the crime.

[86] Mahkamah Rayuan dalam kes *Periasamy s/o Sinnappan v. Public Prosecutor* [1996] 3 CLJ 187 melalui penghakiman YA Gopal Sri Ram (JCA ketika itu) di ms 581 para D-E menjelaskan unsur yang perlu ada bagi pemakaian s. 405 Kanun Keseksaan seperti berikut:

> … that the offence of criminal breach of trust is not an offence of strict liability. It is only an offence, under s. 405 of the Penal Code, to convert, dispose or to appropriate property if it is done with a dishonest intention. To emphasize this most important ingredient which forms the *mens rea* of the offence, we need do no more that quote from *Sir Hari Singh Gour's Penal Law of India* (10th Ed) Vol 4 at p 3503 which reads as follows:
>
> > The mere violation of law or a legal contract is, however, only one element for consideration. The essential element is dishonesty. The term 'dishonesty' has been defined before, and it has frequently been the subject of discussion. It has

A been used here in the same sense as in ss 378 dand 403 as implying the intention of causing gain or loss by unlawful means of property to which a person gaining or losing is not or is entitled.

B **Apakah Perayu Telah Melakukan Pecah Amanah Jenayah?**

[87] Pembelaan perayu adalah bahawa kesemua 11 cek MBR yang beliau dipertuduhkan adalah merupakan pinjaman oleh beliau sebagai pengarah (advance to director) dan telah direkodkan setiap satunya dalam baucer bayaran tunai di eks. D24 (ms 464-473 dan C 740-749 RR) dan Ledger Account MBR di eks. P47C(ii)B, P47C(ii)C dan P47C(ii)H (ms 716, 717 dan 722 RR) yang mencatitkan sebagai 'advance to director'

[88] Pembelaan perayu juga bahawa pinjaman tersebut dibuat D dengan persetujuan SP1 yang juga pengarah bersama MBR. Perayu mengatakan di antara SP1 dan perayu telah ada persefahaman bahawa mana-mana pengarah boleh mengambil pinjaman daripada syarikat dan memberi contoh apabila MBR memberi 'advance' RM250,000 kepada SP1 yang mana SP1 E mengatakan jumlah tersebut adalah merupakan bayaran balik wang RM700,000 yang SP1 pinjamkan kepada MBR.

[89] Perayu juga mengatakan semua pinjamannya dari MBR telah direkodkan dalam Penyata Tahunan dan Akaun MBR bagi tahun F 1995 dan 1996 yang disediakan oleh juru odit Tetuan JB Lau & Associates seperti yang terdapat dalam eks. D16 dan D17 dan P47 dan pihak juru odit tidak mendapatinya sebagai tidak teratur (ms 697-708 dan 712-715 RR).

[90] Perayu tidak menafikan telah menggunakan cek-cek MBR G terlibat bagi dirinya tetapi mengatakan perayu tiada niat curang terhadap harta MBR tersebut.

[91] Oleh kerana tidak terdapat resolusi MBR secara bertulis ke atas persetujuan di antara pengarah-pengarah bagi membolehkan H pinjaman dibuat dari MBR, maka keterangan kes perlu dilihat secara sepenuhnya untuk melihat sama ada persetujuan sedemikian wujud secara tersirat dan kepercayaan yang munasabah terhadap kewujudan persetujuan sedemikian.

I

[92] Prinsip undang-undang adalah jelas bahawa syarikat adalah merupakan satu entiti undang-undang yang tersendiri dan pengarah-pengarah syarikat mentadbirkan syarikat mengikut undang-undang tubuh atau memorandum serta artikel syarikat dan resolusi yang diluluskan dari masa kesemasa oleh lembaga pengarah syarikat atau pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat agung syarikat. Harta syarikat adalah milik syarikat dan pengarah syarikat tidak boleh menyifatkannya sebagai harta peribadi (*Solomon v. Solomon & Co.* [1897] AC 2).

[93] Di dalam kes ini MBR telah ditubuhkan oleh perayu pada 24 Januari 1992 bertujuan untuk dijadikan 'vehicle' bagi membeli tanah di Langkawi yang ditawarkan kepada perayu oleh tuanpunya tanah. Pemegang saham MBR adalah perayu dan isteri perayu. Pada tahun 1992 perayu yang mewakili MBR memasuki perjanjian jualbeli tanah Lot 85, Mukim Kuah, Langkawi dan membayar sebahagian daripada deposit dan harga belian. Oleh kerana tidak mempunyai wang yang cukup bagi membiayai baki harga pembelian tanah tersebut, perayu mempelawa SP1 bagi menjadi pemegang saham dalam MBR dan SP1 bersetuju. SP1 membayar RM1.7 juta bagi bahagiannya yang mana SP1 mengatakan RM700,000 daripada jumlah tersebut adalah pinjaman SP1 kepada MBR yang perayu pertikaikan dengan mengatakan RM1.7 juta tersebut adalah nilai bahagian yang perlu dibayar oleh SP1 bagi memiliki saham dalam MBR yang mana satu-satunya harta yang dipegang oleh MBR ialah tanah Lot 85 tersebut yang dianggarkan kemudiannya bernilai lebih daripada RM8 juta pada harga pasaran. SP1 dan isteri SP1 diperuntukkan sejumlah 1 juta unit saham dalam MBR. SP1 juga dilantik menjadi pengarah MBR bersama-sama perayu mulai Disember 1994. Oleh kerana SP1 tinggal di Johor Bahru dan kerap berada di luar negara maka semua urusan MBR dikendalikan oleh perayu. Tiada apa-apa resolusi dibuat tentang bagaimana urusan pentadbiran dan kewangan MBR wajib dilaksanakan oleh perayu. Oleh itu perayu menguruskan MBR mengikut citarasa dan kaedahnya sendiri. MBR tidak mempunyai kakitangan dan aktiviti. Semua urusan bagi pemajuan tanah Lot 85 yang dibeli oleh MBR dikendalikan secara sendiri oleh perayu. Perayu tidak mengambil apa-apa upahan atau saraan daripada MBR di atas perkhidmatannya. Secara tersirat perayu adalah pengurus MBR yang juga selaku pengarah. Tiada keterangan yang menunjukkan bahawa MBR mempunyai apa-apa sumber hasil lain bagi tempuh penubuhannya

A hingga tahun 1997 kecuali wang yang diterima dari SP1 dan perayu sendiri serta kemudahan overdraft yang diperolehi MBR dari UMBC bagi membiayai baki pembelian harga tanah terlibat.

[94] Mahkamah ini berpendapat hakim sesyen perlu melihat dari
B sudut latar belakang syarikat sebelum membuat 'adverse findings' yang mengatakan "Melihat kepada cara OKT menguruskan kewangan syarikat dan tidak ada sesiapa yang menyelia beliau, OKT adalah satu-satunya orang yang berpeluang untuk memalsukan tandatangan SP1." Perlu diingati semula bahawa SP1 juga adalah
C memiliki saham dan menjadi pengarah dua syarikat yang lain bersama perayu sebelum membeli saham dalam MBR. Adakah kerana keyakinan SP1 ke atas perayu yang sudah dikenali lama dan menjadi rakan niaga dan juga potensi tanah yang dibeli oleh MBR menjadikan SP1 bersetuju melabur dalam MBR walaupun
D tahu MBR tiada aktiviti lain bagi pendapatannya? Mahkamah ini berpendapat kedua-dua elemen tersebut wujud jika pelaburan SP1 dalam MBR tersebut diberikan penelitian. Potensi pembangunan tanah MBR dan potensi harga semasa adalah merupakan dorongan bagi SP1 membeli saham dalam MBR. SP1 adalah ahli perniagaan
E yang berpengalaman dan telah menceburkan diri dalam perniagaan sejak awal tahun 80'an. Membuat pelaburan secara pembayaran wang tunai RM1.7 juta ke dalam MBR yang tiada aktiviti menjana pendapatan adalah memperlihatkan keyakinan SP1 dalam pelaburan dan pulangan yang bakal diterima. Oleh itu mahkamah wajar
F melihat isu ini dengan agak 'sceptical'.

[95] Dalam 'findings' oleh hakim sesyen tersebut bahawa "OKT adalah satu-satunya orang yang berpeluang untuk memalsukan tandatangan SP1", Mahkamah ini berpendapat inferens oleh hakim
G sesyen tersebut tidak disokong oleh mana-mana keterangan kerana keterangan yang ada menunjukkan urusan menyediakan dan mendapatkan tandatangan pengarah MBR adalah di bawah kendalian setiausaha syarikat dan juru odit MBR sebelum penyata kewangan yang disahkan tersebut difailkan dengan pejabat
H Pendaftar Syarikat (kini SSM). Oleh yang demikian inferens oleh hakim sesyen dalam perkara tersebut lebih merupakan satu spekulatif yang tidak disokong oleh keterangan dan dapatan tersebut boleh mempengaruhi minda hakim bicara daripada melihat keterangan kes dengan secara objektif.

I

Ledger Account P47

[96] Mahkamah ini dapati keterangan yang terdapat dari Ledger Account P47 adalah significant untuk diberikan perhatian yang sewajarnya dalam mempertimbang butiran pertuduhan terhadap perayu. Eksibit P47 adalah dokumen yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan yang menjadi sebahagian daripada keterangan pihak pendakwaan terhadap perayu. Hakim sesyen telah tidak menyentuh langsung tentang eks. P47 tersebut di dalam penghakiman beliau samada diakhir kes pendakwaan apabila memutuskan terdapatnya kes *prima facie* ke atas ketiga-tiga pertuduhan mahu pun diakhir kes pembelaan perayu.

[97] Ledger Account di P47C(ii)B; P47C(ii)C dan P47C(ii)H mencatitkan 11 cek yang dikeluarkan kepada perayu seperti berikut:

Eks. P47C(ii)B (ms 716 RR) mencatatkan seperti berikut:

Cek 177158: Refund to Director : RM61,534.96

Cek 177161 : Refund to Director : RM62,191.80

Cek 177166 : Refund to Director : RM53,144

Eks. P47C(ii)H (ms 722 RR)

Cek 177172 : Advance to Director : RM82,427.90

(Cek-cek No. 177158, 177161, 177166 dan 177172 adalah butiran cek bagi pertuduhan pertama).

Eks. P47C(ii)B juga menunjukkan (ms 716 RR):

Cek 177152 : Refund to Director : RM9,700

Cek 177153 : Refund to Director : RM50,000

Cek 177168 : Refund to Director : RM100,000

(Cek nombor 177152, 177153 dan 177168 adalah butiran cek bagi pertuduhan kedua).

Eks. P47C(ii)C juga menunjukkan (ms 716 RR):

Cek 177163 : Refund to Director : RM16,000

A Cek 177167 : Refund to Director : RM16,000

Eks. P47C(ii)H menunjukkan (ms 722 RR)

Cek 177175 : Advance to Director : RM16,000

B Cek 177181 : Advance to Director : RM16,000

(Cek 177163, 177167, 177175 dan 177181 adalah cek yang dibutirkan di pertuduhan ketiga).

C Eksibit P47C(ii)B (ms 716 RR) mencatitkan:

Cek 177159 (30/10/95) : Refund to Director : RM250,000

(Bayaran cek ini adalah kepada SP1)

D **Apakah Keterangan Saksi-saksi Berkaitan Ungkapan 'Advance' Dan 'Refund' Tersebut?**

[98] SD4 (Lau Tiang Hua) akauntan dari firma JB Lau & Associates mengatakan firmanya telah menyediakan penyata akaun beraudit iaitu eks. D16 dan D17 bagi MBR untuk tahun E kewangan 1995 dan 1996, masing-masing.

[99] Semasa keterangan pemeriksaan utama SD4 peguambela perayu telah merujukkan eks. P47C(ii)B (Ledger Account) kepada SD4 dengan soalan seperti berikut:

F

Q. In your accounting term, what would refund mean?

A: Refund to director also mean repayment of advance or loan by the directors to the company. Advances from directors could means loan given to the company or expenses paid on G behalf of the company by the director.

[100] Mengikut SD2 (Beh Teik Aun) dari JB Lau & Associates, beliau adalah orang yang bertanggungjawab menyediakan Ledger bagi MBR. Eksibit P47C (ii)B, C(ii)C dan C(ii)H (Ledger Account – print-out) adalah disediakan oleh beliau sebagai 'book keeper' H MBR. SD2 mengatakan catatan perkataan "Director's account" yang terdapat dalam ledger print out tersebut bermaksud 'director's money brought into the company.' SD2 mengatakan penyediaan Ledger di P47C(ii)B, C(ii)C dan C(ii)H adalah dibuat oleh SD2 berasaskan kepada baucher-baucher tunai yang SD2 sediakan I seperti di eks. D24 (ms 464-473 RR) dan penyata bank bagi akaun

bulanan syarikat dan ianya dibuat di atas permintaan perayu. Ianya disediakan oleh SD2 dalam tahun semasa kewangan syarikat iaitu 1995 dan 1996.

[101] Dalam menjelaskan perkataan 'advance' yang terdapat dalam Ledger Account di P47, saksi SP10 (Gan Lim Teik Hean) akauntan bertauliah dari Tetuan Wong Thai Sun & Associates yang dilantik oleh MBR sebagai Inspector di bawah s. 199 Akta Syarikat semasa menjawab soal balas peguam pembelaan mengatakan:

> Advance to me means loan or drawing. In CiiG(5) (lihat Rekod Rayuan Tambahan – tiada muka surat) these are called director's advance. The book maker called it director's refund. Upon consultation with Ooi Meng Sua (perayu) and Chuah Hee Chye (SP1), at the outset, it is stated that director's account is messy. So prior to the commencement of our appointment, Ooi Men Sua and Chua Hee Chye it was instructed that this cash payment purported to be advances to derector's for which no proper document is found, it was agreed upon as drawing by Ooi Meng Sua. Ooi Meng Sua personally say "you do the necessary adjustment to this loan account balance and at the end of the day, I will sign the adjusted balance". Drawing for cash payment described as loan to director's account. Where there is no signature it is to be treated as drawing for Oii Meng Sua advances. (muka surat 125 para C-E RR)
>
> Put: Loan or drawing is meant to be paid back.
>
> A: Yes.
>
> Put: At no time were these documents attempted to be concealed from you.
>
> A: Correct.

[102] Berbalik semula kepada 11 cek-cek yang dikeluarkan kepada perayu yang menjadi perkara pertuduhan. Dari catitan yang terdapat dalam Legder Account di P47C(ii)B, P47C(ii)C dan P47C(ii)H, cek-cek berikut dicatitkan sebagai "Refund to Director": Cek 177158, 177161, 177166, 177152, 177153, 177168, 177163 dan 177167.

[103] Cek berikut pula dicatitkan dalam Ledger Account P47C(ii)B, P47C(ii)C dan P47C(ii) H sebagai "Advance to Director": Cek 177172, 177175 dan 177181.

[104] Dengan yang demikian sejumlah lapan cek-cek tersebut adalah di bawah ungkapan "Refund to Director" manakala tiga lagi di bawah ungkapan "Advance to Director".

[105] Jika sekiranya keterangan SD4 diambil, maka lapan cek di atas catitan 'Refund to Director' akan bermaksud "repayment of advance or loan by the directors to the company".

[106] Ledger Account P47C(ii)B (ms 716 RR) mencatitkan cek 177159 bernilai RM250,000 sebagai "Refund to Director". Cek ini adalah dikeluarkan kepada SP1 yang bermakna "repayment of advance or loan by director to the company" jika keterangan SD4 tersebut diambil pakai.

[107] Oleh yang demikian cuma terdapat tiga cek iaitu 117172 (RM82,427); 177175 (RM16,000) dan 177181 (RM16,000) yang dikategorikan di bawah ungkapan "Advance to Director".

[108] Jika keterangan SP10 dilihat, SP10 mengatakan "Advance to me means loan or drawing. The book maker called it director's refund."

[109] Adakah ini bermakna bayaran "Refund to Director" bagi cek 177159 bernilai RM250,000 yang SP1 katakan sebagai bayaran balik wang pinjaman SP1 kepada MBR adalah juga sama keadaannya dengan "Refund to Director" atau "director's refund" yang perayu terima melalui lapan cek yang dikeluarkan. Perayu mengatakan wang RM250,000 yang SP1 terima adalah juga pinjaman dari MBR. Jika keterangan SP10 diambil pakai, maka wang bayaran RM250,000 oleh MBR kepada SP1 adalah juga tergolong di bawah maksud "loan or drawing". Ini menjadikan keterangan pembelaan perayu bahawa SP1 juga mengambil pinjaman dari MBR menjadi suatu yang 'probable'. Hakim sesyen tidak mempertimbangkan perkara ini di dalam penghakiman beliau.

[110] Dalam P47 yang melibatkan Ledger Account terdapat ungkapan "Refund to Director", "Advance to Director" dan "Advance from Director". Ledger Account tersebut disediakan oleh SD2 dari firma juru audit JB Lau & Associates. Ledger Account tersebut mencatitkan "Advance from Director" merujuk kepada bayaran-bayaran yang SP1 buat bagi pembelian saham bahagiannya dalam MBR. Ungkapan "Advance from Director" boleh disifatkan sebagai jelas.

[111] Pembelaan perayu juga mengatakan wang yang diambilnya dari MBR melalui cek-cek yang menjadi perkara pertuduhan adalah merupakan bayaran balik wang yang didahulukannya kepada MBR yang jauh lebih besar dari yang dipinjamnya dari MBR. Walau pun mahkamah ini tidak ditunjukkan pecahan butiran pendahuluan yang diberikan oleh perayu kepada MBR tetapi melalui hujahan peguam jumlah tersebut dikatakan lebih kurang RM805,836.36 sen. Hujahan peguam ini adalah diasaskan kepada butiran yang terdapat dalam eks. P47C(ii)B dan P47C(ii)H serta D70 (sambungan kepada Ledger Account – ms 880 RR) yang disediakan oleh SD2 yang menunjukkan bahawa dalam tahun 1995 dan 1996 dan dibawa ke hadapan iaitu tahun 1997 pengarah-pengarah MBR (SP1 dan perayu sahaja sebagai pengarah) telah memasukkan sejumlah RM3,294,551.68 (RM788,744.82 + RM1,699,970.50 bagi tahun 1995 + RM23,938.63 bagi tahun 1996 +RM781,897.73 dalam tahun 1997). Jika pembayaran bahagian pegangan SP1 sebanyak RM1,700,000 ditolak bermakna baki RM1,594,581.18 sen adalah merupakan wang lain yang diterima oleh MBR yang mana perayu mengatakan adalah pendahuluannya kepada MBR jika berbanding dengan RM483,029.46 yang diterima melalui 11 cek MBR yang menjadi perkara pertuduhan. MBR tidak mempunyai aktiviti yang menghasilkan pendapatan kecuali pegangan ke atas tanah Lot 85, Mukim Kuah, Langkawi.

[112] Dalam kes *Public Prosecutor v. Haji Hussin bin Haji Mohd Rejab* [1994] 3 CLJ 93, YA Wan Yahya J di ms 94 mengatakan:

> The question that may be asked is whether an advance is a loan. In *Lincolnshire Sugar Co. Ltd. v. Smart* [1937] AC 697 Lord Macmillan said:
>
> > I agree that the word "advance" is ambiguous and may be either to repayments of what will become due in future or be a polite euphemism for loans.
>
> Again in *Bronester Ltd. v. Priddle* [1961] 3 All ER 471 Lord Justice Holroyd Pearce held that:
>
> > Where someone says: "I am going to make you an advance". I think they are saying: "We will let you have it as a loan or on an implied understanding that if the event does not occur which makes it legally payable, we must have it back.
>
> A loan creates a debt and failure to pay a debt is not Criminal Breach of Trust. *Satyabrata Bhaltachariya* 1976 Cr. LJ 446.

[113] Mahkamah ini telah pada awal penghakiman menurunkan isu berkaitan cabaran pembelaan ke atas kredibiliti keterangan SP1 yang mana hakim sesyen tidak membuat apa-apa dapatan ke atasnya. Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana menghujahkan bahawa ketiadaan hakim sesyen menyentuh isu 'demeanour' atau membuat finding atas saksi SP1 tidak menjejaskan penghakiman beliau 'sekiranya demeanour tidak dipersoalkan dalam mindanya' dan adalah selamat untuk menganggap bahawa hakim sesyen tidak pada bila-bila masa menilai SP1 sebagai seorang saksi yang tidak boleh dipercayai. Mahkamah ini berpendapat isu yang timbul dalam kes ini bukanlah perkara 'demeanour' tetapi tahap kepercayaan yang hendak diletakkan ke atas keterangan SP1 dan penilaian kebolehkepercayaan keterangan SP1 itu dengan fakta dan dokumen-dokumen yang terdapat dan 'probabilities' yang ada ke atasnya serta cabaran-cabaran yang telah dibawa ke atas kredibiliti keterangan SP1 tersebut. Oleh itu mahkamah ini juga berpendapat adalah penting hakim sesyen memberikan alasan mengapa keterangan SP1 tersebut diterima oleh beliau tanpa apa-apa keraguan terhadapnya.

[114] Pembelaan perayu telah menunjukkan SP1 bukan sahaja menjadi pengarah dalam MBR bersama perayu, tetapi juga telah menjadi pengarah dalam dua syarikat lagi bersama perayu sejak tahun 1992 iaitu South Malaysia Tour Sdn Bhd dan Gemine Printing Sdn Bhd. (ms 61 RR). Pembelaan juga telah menunjukkan bahawa SP1 pernah mempunyai tandatangan yang berbeza apabila SP1 menafikan tandatangan di eks. D16 dan D16 sebagai miliknya (ms 460-462 RR). Pembelaan juga telah mencadangkan dan mengatakan melalui SP1 bahawa terdapat amalan pengarah meminjam wang dari MBR seperti yang SP1 terima sejumlah RM250,000 yang mana keterangan SP10 jika diambil pakai boleh dimaksudkan sebagai 'loan or drawing' oleh pengarah. Sebaliknya jika RM250,000 tersebut yang dicatitkan sebagai "Refund to Director" dalam Ledger Account eks. P47C(ii)B bermaksud pengembalian wang yang SP1 pinjamkan kepada MBR (mengikut tafsiran SD4) maka status yang serupa hendaklah diberikan kepada perayu apabila lapan cek dari 11 cek yang dikeluarkan ke atas perayu adalah juga dicatitkan sebagai "Refund to Director". Ini adalah kerana perayu juga meminjamkan wang kepada MBR seperti yang dapat dibuat inferens dari eks. P47C(ii)B dan P47C(ii)H dan D70. Perlu diingati MBR tiada pendapatan dari sumber lain selain daripada 'capital injection' oleh pengarahnya yang mana jumlah

yang dilaburkan oleh SP1 adalah diketahui jelas iaitu RM1.7 juta. Keterangan juga menunjukkan SP1 "know accounting better. Ooi Meng Sua (appellant) is unfamiliar with accounting matter" seperti yang dikatakan oleh SP10 iaitu akauntan dari Wong Thai Sun & Associates (ms 119 RR) yang dilantik oleh SP1 (MBR).

[115] Mahkamah ini berpendapat ketiadaan dapatan fakta ke atas kredibiliti keterangan SP1 untuk keterangannya diterima *in toto* dan ketiadaan pertimbangan yang teliti oleh hakim sesyen ke atas keterangan-keterangan dan dokuman yang ada di hadapannya khususnya dokumen 'contemporary' serta kegagalan melihat dan mempertimbangkan sama ada 11 cek yang diterima oleh perayu itu merupakan "Refund to Director" atau "Advance to Director" dan maksud sebenarnya pembayaran tersebut adalah satu salah arahan yang serius yang telah menjejaskan asas sabitan terhadap perayu. Di dalam masa yang sama adalah menjadi tugas pihak pendakwaan untuk membawa penjelasan yang tidak meragukan ke atas maksud sebenar ungkapan yang terdapat dalam P47C(ii)B, P47C(ii)C dan P47C(ii)H tersebut dan perkara tersebut gagal dilakukan. Keterangan SP10 dan DW4 yang kedua-duanya adalah merupakan saksi profesional telah menimbulkan percanggahan ke atas ungkapan yang terdapat dalam P47 tersebut. Apakah sebenarnya bayaran kepada perayu itu merupakan 'advance' bagi maksud pinjaman oleh perayu dari MBR atau bayaran itu adalah 'refund' bagi maksud membayar kembali wang yang didahulukan oleh perayu kepada MBR. Oleh kerana tiada penjelasan yang nyata terhadap isu ini maka faedah keraguan tersebut sewajarnya memihak kepada perayu. Tindakan perayu didasarkan kepada kepercayaan bahawa perayu boleh meminjam wang atau mendapatkan kembali wang yang dipinjamkannya kepada MBR. Maka itu setiap bayaran keluar telah direkodkan dengan pengeluaran baucer bayaran tunai dan catitan dalam ledger account MBR. Fakta ke atas butiran akaun MBR (ledger account) tentang kedudukan kewangan masuk dan keluar (debit and credit) bukanlah suatu yang 'fiction' juga bukan angka-angka yang 'fictitous' setelah mengambil perhatian bahawa MBR tiada mempunyai sumber pendapatan lain kecuali wang yang diterima dari SP1 dan perayu sendiri. Jika D70 diteliti MBR pernah memiliki wang dalam akaun sejumlah RM3,294,551.68 dan jika pelaburan tunai RM1.7 juta oleh SP1 ditolak, bahagian yang bukan pelaburan SP1 ialah sejumlah RM1,594,550.32. Seperti yang dikatakan awal bahawa MBR tiada pendapatan hasil lain kecuali

wang pelaburan daripada kedua-dua pengarahnya iaitu SP1 dan perayu dan wang pelaburan tersebut mungkin datang dalam bentuk 'capital injection' atau pinjaman kepada MBR. Oleh itu dapatan hakim sesyen yang mengatakan "Jika betullah OKT kata ada meminjamkam wang, kenapa fakta ini tidak dinyatakan dalam P7" (ms 199 RR) adalah bertentangan dengan fakta-fakta yang ada. Ledger account di P47C(ii)B, P47C(ii)C, PC47(ii)H dan D70 telah melalui kajian dan pemeriksaan dua firma juru odit iaitu JB Lau & Associates dan Wong Thai Sun & Associates dan tiada mana-mana daripada mereka yang meragui ke atas butiran jumlah wang di account ledger tersebut di dalam laporan odit mereka.

[116] Dalam kes *Periasamy s/o Sinnapan (supra)* YA Gopal Sri Ram di ms 581 para H telah memetik pengataan daripada *Nelson's Penal Code* (7th edn) pada ms 1529:

> **No criminal breach of trust if action of the accused is in good faith**
>
> A person, who is pleading a claim or right, may be acting without dishonest intention if he is asserting *bona fide* what he believes to be a lawful claim even though it may be unfounded in law or in fact. If the accused has some claim to the property over which he still retains dominion, there would be no offence unless the claim is merely a pretence, and not *bona fide*, even it turns out to be unsustainable in law.

[117] Mahkamah ini memberi perhatian kepada peruntukan s. 409A dan 409B Kanun Keseksaan yang merupakan sekatan pembelaan dan peruntukan anggapan bagi kes di bawah kesalahan s. 409 Kanun Keseksaan. Walaubagaimanapun dengan keterangan-keterangan daripada saksi pendakwaan sendiri seperti SP1, SP7 dan SP10 serta saksi pembelaan seperti DW2 dan DW4 serta perayu sendiri (DW3) maka peruntukan s. 409B telah diakaskan (rebut) oleh keterangan pembelaan bahawa wujud keadaan yang tidak jelas tentang samada ada terdapat persetujuan bagi pinjaman boleh dibuat oleh pengarah seperti yang didakwa oleh perayu tetapi dinafikan oleh SP1 dan tentang pembayaran wang itu sendiri sama ada bagi bayaran semula pinjaman oleh pengarah kepada MBR atau pinjaman oleh pengarah dari MBR. Bagi tiga cek terlibat di bawah catitan "Advance to Director" isu yang masih tidak jelas untuk dibuat 'findings' ialah sama ada terdapat amalan dan persefahaman sedemikian disebabkan keterangan SP1 tidak konklusif setelah keterangan SP10, DW2, DW4 dan DW3 serta catitan di eks. P47C(ii)H diberikan perhatian dan pertimbangan.

[118] Di dalam penghakimannya hakim sesyen telah menolak eks. D24 kerana mensifatkannya sebagai 'self service document' walau pun pembuat dokumen tersebut SD2 telah memberikan keterangan. SD2 dan perayu (SD3) juga tidak menafikan kandungan D24 sebagai benar walau pun tiada tandatangan oleh penerima dan pembayar. Malahan pengakuan ke atas D24 oleh perayu adalah satu 'self incriminating'. Oleh yang demikian apakah yang dimaksudkan sebagai 'self service document' oleh hakim sesyen tersebut tidak diperjelaskan. Hakim sesyen juga dalam 'findings' beliau mengatakan pembelaan 'advance' adalah suatu cubaan perayu untuk mengelirukan mahkamah.

[119] Mahkamah ini berpendapat D24 dan Ledger Account P47C(ii)B, P47C(ii)C, P47C(ii)H dan D70 adalah dokumen-dokumen yang 'contemporary' dan tiada keterangan ianya dibuat dengan motif tertentu. SP1 sendiri selaku pengarah MBR boleh pada bila-bila masa memeriksa akaun dan kewangan MBR tetapi memilih tidak berbuat demikian. Oleh itu alasan yang kukuh diperlukan untuk menolak kandungan D24 dan Ledger Account di P47 tersebut yang mana ianya tidak diberikan oleh hakim sesyen. Malahan dokumen Ledger Account eks. P47 tersebut adalah dikemukakan oleh pihak pendakwaan sendiri. SD2 adalah pembuat dokumen Ledger Account di P47 dan D70 yang mana D70 adalah merupakan sambungan daripada P47. Apabila D24 dan D70 serta P47C(ii)B, P47C(ii)C dan P47C(ii)H dibuktikan dan diterima masuk sebagai keterangan, maka kandungan dokumen-dokumen tersebut hendaklah dipertimbangkan dan diberi nilai berat yang berpadanan ke atasnya sama ada ianya menyokong atau tidak menyokong keterangan pihak pembelaan dan alasan hendaklah diberi jika hakim bicara menolaknya (*Yoong Hock Pin v. Public Prosecutor* [1977] 1 MLJ 178 at p 179 para F-G).

[120] Adalah keterangan yang jelas bahawa setiap kemasukan dan pengeluaran wang MBR telah direkodkan dalam ledger account P47C(ii)B, P47(ii)C, P47(ii) H dan D70. Rekod pembayaran tunai juga terdapat bagi setiap pembayaran yang dibuat oleh MBR kepada perayu (D24 ms 464-473). Pembayaran di D24 tersebut telah dicatitkan sebagai debit 'Director's Account'. Lapan cek yang dikeluarkan kepada perayu direkodkan sebagai "Refund to Director" dan tiga cek lagi sebagai "Advance to Director" dalam ledger account di P47. Ledger account P47 yang sama juga merekodkan RM250,000 sebagai "Refund to Director" bagi

pembayaran yang MBR buat kepada pengadu SP1. Pembayaran tersebut adalah dibuat oleh perayu. Dokumen D24 dan ledger account di P47 tersebut disediakan oleh SD2 dan merupakan dokumen yang 'contemporary' kerana rekod-rekod dan catitan tersebut dibuat pada masa pengeluaran/bayaran dibuat. Kedua-dua firma akauntan JB Lau & Associates dan Wong Thai Sun & Associates juga telah merujuk kepada dokumen tersebut dalam penyediaan laporan odit masing-masing. Ledger account dan baucer tunai adalah rekod-rekod yang boleh diakses oleh mana-mana pengarah MBR dan pemegang sahamnya. Juga penfailan laporan tahunan penyata untung rugi MBR bagi tahun 1995 dan 1996 boleh diakses dari pejabat Pendaftar Syarikat (SSM) di mana butiran kewangan dan liabiliti syarikat dan pengarah boleh diperiksa.

[121] Dalam kes *Chang Lee Swee v. Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 76, Gunn Chit Tuan J di ms 82 mengatakan:

> In this case I think a simple question could have been asked and that was whether one would have any dishonest intention of committing criminal breach of trust if the so-called withdrawals or transfer of funds were properly accounted for and recorded in books accounts of the companies concerned. If the learned president has asked herself that question and considered all the evidence, adduced both oral and documentary, in this case, she would have come to the conclusion that there was no dishonest intention on the part of the appellant to cause either wrongful loss to TDMB or wrongful gain to KJDB and should not have called for the defence.

[122] Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana dalam penghujahannya meminta mahkamah ini tidak memberikan apa-apa nilai berat keterangan ke atas D70 (general ledger account – ms 880 RR) dengan alasan bahawa D70 tersebut tidak ditandakan sebagai eksibit pembelaan dan masih kekal sebagai IDD70. Timbalan Pendakwa Raya juga mengatakan D70 tersebut tidak mematuhi kehendak s. 90A Akta Keterangan dan pihak pembelaan tidak pernah merujukkan D70 kepada SD2 semasa SD2 memberi keterangan. Oleh yang demikian D70 tersebut tidak boleh diterima masuk (not admissible) dan bersifat keterangan 'hearsay'. Dengan hormatnya mahkamah ini tidak dapat menerima hujahan Timbalan Pendakwa Raya itu di atas alasan keterangan yang ada adalah jelas bahawa D70 tersebut telah dirujuk dan dikemukakan daripada penandaan IDD70 menjadi eks. D70 melalui SD2 (Beh Teik Aun).

SD2 telah mengesahkan bahawa D70 tersebut adalah dibuat olehnya dan mencamkan D70 tersebut dengan mengatakan "I can recognize this document (IDD70). This is a general ledger prepared for the account. For the director's account IDD70 is connected to C(ii)h. IDD70-D70". Semasa pemeriksaan balas oleh pihak pendakwaan SD2 mengatakan "D70 is the usual accounting preparation. I prepared it and pass it to audit" (baris B-D ms 177 RR). Oleh yang demikian D70 tersebut yang menunjukkan kedudukan 'credit and balance' kewangan MBR adalah teratur diterima masuk sebagai dokumen pembelaan apabila dikemukakan melalui SD2 selaku pembuat D70 tersebut dan tidak memerlukan satu sijil di bawah s. 90A Akta Keterangan 1950.

[123] Dalam kes *Grace Shipping Inc. & Anor v. C.F. Sharp & Co. (Malaysia) Pte. Ltd.* [1987] 1 MLJ 257 Majlis Privy melalui penghakiman Lord Goff of Chieveley di ms 265 memberikan panduan kepada hakim bicara dalam menilai keterangan saksi khasnya yang melibatkan "contemporary documents" seperti berikut:

> And it is not to be forgotten that, in the present case, the judge was faced with the task of assessing the evidence of witnesses about telephone conversations which had taken place over five years before. In such a case, memory may well unrealiable; and it is of crucial importance for the judge to have regard to the contemporary documents and to overall probabilities. In this connection, their Lordships wish to endorse a passage from a judgment of one of their number in *Armagas Ltd. v. Mundogas S.A. (The Ocean Frost)*, when he said at p. 57:
>
> > Speaking from my own experience, I have found it essential in cases of fraud, when considering the credibility of witnesses, always to test their veracity by reference to the objective facts proved independently of their testimony, in particular by reference to the documents in the case, and also to pay particular regard to their motives and to the overall probabilities. It is frequently very difficult to tell whether a witness is telling the truth or not; and where there is a conflict of evidence such as there was in the present case, reference to the objective facts and documents, to the witnesses' motives, and to the overall probabilities, can be be of very great assistance to a judge in ascertaining the truth.

A That observation is, in their Lordships' opinion, equally apposite in a case where the evidence of the witnesses is likely to be unreliable; and it is to be remembered that in commercial cases, such as the present, there is usually a substantial body of contemporary documents evidence.

B **[124]** Dalam kes *Grace Shipping Inc. (supra)*, Majlis Privy memutuskan di para (1) dan (2) ringkasan keputusan (held) seperti berikut:

(2) having considered the evidence and the judgment of the trial
C judge, their Lordships have come to the conclusion that the Court of Appeal were fully justified in coming to a different conclusion from the trial judge on the question whether the respondents had been authorized by the 2nd appellant to act on behalf of Phillips;

(3) with all respect to the trial judge, their Lorships having
D considered the contemporary documents, concluded in agreement with the Court of Appeal, that the probabilities pointed overwhelmingly to the conclusion that the respondents were authorized by the 2nd appellant to contract on behalf of Phillips.

E **Tugas Mahkamah Yang Mendengar Rayuan**

[125] Dalam kes *Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 CLJ 19 Mahkamah Rayuan melalui penghakiman mahkamah yang disampaikan oleh YA Gopal Sri Ram (JCA ketika itu) mengatakan di ms 33:

F

Suffice to say that we re-affirm the proposition that an appellate court will not, generally speaking, intervene unless the trial court is shown to be plainly wrong in arriving at its decision. But appellate interference will take place in cases where there has been no or insufficient judicial appreciation of evidence. It is, we think
G appropriate that we say what judicial appreciation of the evidence involves.

A judge who is required to adjudicate upon a dispute must arrive at his decision on an issue of fact by assessing, weighing and,
H for good reasons, either accepting or rejecting the whole or any part of the evidence placed before him. He must when deciding whether to accept or to reject the evidence of a witness, test it against relevant criteria. Thus, he must take into account the presence or absence of any motive that a witness may have in giving his evidence. If there are contemporary documents, then he
I must test the oral evidence of a witness against the probabilities of the case. A trier of facts who makes findings based purely

upon the demeanour of a witness runs the risk of having his findings corrected on appeal. It does not matter whether the issue for decision is one that arises in a civil or criminal case: the approach to judicial appreciation of evidence is the same.

[126] Dalam kes *Dato' Seri Anwar Ibrahim v. PP & Another Appeal* [2004] 3 CLJ 737, YA Abdul Hamid Mohamad FJC (ketika itu) di ms 752 penghakiman mengatakan:

Clearly, an appellate court does not and should not put a brake and not going any further the moment it sees that the trial judge says that that is his finding of facts. It should go further and examine the evidence and the circumstances under which that finding is made to see whether, to borrow the words of HT Ong (CJ Malaya) in *Herchun Singh*'s case ([1964] 2 MLJ 209) 'there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding.' Otherwise, no judgment would ever be reversed on question of fact and the provision of s. 87 CJA 1964 that an appeal may lie not only on question of law but also on a question of fact or on question of mixed fact and law would be meaningless.

[127] Dalam kes *Goh Ah San & Ors v. The King* [1938] MLJ 95 McElwaine CJ di ms 99 mengatakan:

An appellate Court is reluctant to reverse a Magistrate's decision on a finding of fact but if on considering the evidence the appellate Court is of opinion that the Magistrate's decision is against the weight of evidence it should set aside the order of the lower Court.

[128] Terrell AG. CJ pula dalam kes *Chia Han Kiat v. Rex* [1937] 6 MLJ (SSR) 261 menggariskan prinsip berikut:

On such an appeal it is the duty of the Appellate Court to be a Judge of fact as well as of law, and the Appellate Court would be abrogating its functions if it made a hard and fast rule never to interfere with the findings of fact and if it felt bound to support a judgment which, on a review of all evidence, it considered to be clearly wrong.

[129] Dalam kes *Balasingam v. PP* [1959] MLJ 193 diputuskan bahawa proses sesuatu rayuan adalah merupakan sambungan daripada prosiding yang melibatkan pendengaran semula (rehearing) dan pihak-pihak litigant serta mahkamah yang mendengar rayuan berhak untuk mengetahui alasan-alasan ke atas sesuatu dapatan fakta oleh hakim bicara.

[130] Keperluan hakim bicara memberikan alasan telitinya terhadap dapatan fakta dan menimbangkan nilai setiap keterangan yang terdapat sebelum membuat apa-apa kesimpulan ditegaskan dalam kes *Adzhaar bin Ahmad & Anor v. Public Prosecutor* [1996] 4 MLJ 85, di mana YA Alauddin J (ketika itu) di ms 94 mengatakan:

> The trial court is under a statutory duty under section 308 of the Criminal Procedure Code (FMS Cap 6) to transmit to the appellate court the grounds of decision which convey a reasoned judgment on the facts and the law not merely the conclusion arrived at. The absence of reasons indicates the possibility that such vital consideration as the weight of evidence and the probabilities of the case may not have influenced the mental process of the trial judge in arriving at the ultimate finding.

Kesimpulan

[131] Di atas alasan-alasan yang telah dihuraikan, mahkamah ini berpendapat dan mendapati bahawa wujud keadaan dan alasan yang kukuh untuk mahkamah ini campur tangan dan mengubah dapatan dan keputusan oleh hakim sesyen tersebut yang mahkamah ini dapati sebagai bertentangan dengan keterangan yang ada. Dengan keterangan oleh saksi-saksi pendakwaan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan pembelaan, mahkamah ini berpendapat hakim sesyen telah gagal menimbangkan kes pendakwaan mengikut panduan yang diberikan dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457 apabila hakim sesyen memutuskan kes *prima facie* telah dibuktikan bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut. Mahkamah ini berpendapat oleh kerana keterangan SP1 tidak konklusif tentang benar atau tidak wujudnya persefahaman antara SP1 dan perayu bahawa pinjaman boleh dibuat atau tidak dari syarikat dan rekod ledger account yang tidak dijelaskan tentang maksud sebenar setiap pembayaran yang dikeluarkan kepada perayu dan SP1 sendiri menjadikan kes pendakwaan gagal dibuktikan untuk keterangan pembelaan diri dipanggil terhadap perayu.

[132] Oleh kerana pembelaan diri telah dipanggil maka adalah menjadi tugas hakim sesyen untuk menimbangkan keterangan perayu dan saksi-saksi pembelaan serta dokumen-dokumen yang telah dikemukakan dan diterima masuk sebagai keterangan pembelaan. Adalah jelas pembelaan perayu tersebut bukanlah satu pembelaan 'mere denial' atau 'afterthought' (*Megat Halim Megat Omar v. PP* [2009] 1 CLJ 154). Mahkamah ini berpendapat jika

hakim sesyen menimbangkan dengan betul pembelaan diri perayu dan saksi-saksi pembelaan, adalah jelas pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan dan yang demikian telah mengakaskan peruntukan anggapan yang terdapat di bawah s. 409B Kanun Keseksaan menjadikan sabitan terhadap perayu adalah tidak selamat dibuat dan dikekalkan oleh mahkamah ini (*Mohd Hazrin Md Sari v. PP* [2008] 5 CLJ 361). Jika pun sekiranya keputusan memanggil pembelaan diri dibuat dengan betul berdasarkan kepada keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan, tetapi keterangan pembelaan diri perayu telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan tersebut.

[133] Oleh yang demikian mahkamah ini membenarkan rayuan perayu ke atas ketiga-tiga pertuduhan kes yang dibicarakan secara bersama itu dan mengenepikan sabitan serta hukuman bagi ketiga-tiga pertuduhan itu. Jika dendaan telah dibayar oleh perayu maka dendaan tersebut hendaklah dikembalikan semula kepada perayu.

[134] Oleh kerana mahkamah ini telah membenarkan rayuan perayu ke atas ketiga-tiga pertuduhan dan mengenepikan sabitan dan hukuman ke atasnya, maka rayuan oleh pihak pendakwaan terhadap hukuman yang tidak memadai dengan sendirinya menjadi lusuh dan dengan itu tidak lagi 'significant' untuk dipertimbangkan. Perayu dengan ini dilepas dan dibebaskan.